

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

**PERSIDANGAN KALI KEEMPAT
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KELIMA
DEWAN NEGERI KELANTAN KEEMPATBELAS**

=====

[27 SYAABAN 1444H / 20HB MAC 2023]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' HJ ABDULLAH B HJ YA'KUB <i>D.J.M.K.,J.P.</i>	(SPEAKER)
2.	YAB USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB (DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.P.,S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan Kewangan)	PASIR PEKAN
3.	YB DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH (TIMBALAN MENTERI BESAR) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Pembangunan Wilayah, Kesejahteraan Rakyat dan Integriti)	PANCHOR
4.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Teknologi Maklumat)	TEMANGAN
5.	YB DATO' HJ NASSURUDDIN B HJ DAUD (DATO' PANGLIMA PERANG) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta)	MERANTI

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

6.	YB DATO' HJ HANIFA B AHMAD <i>D.J.M.K.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan)	PENGKALAN PASIR
7.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan)	KEMAHANG
8.	YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita)	DEMIT
9.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar)	SELISING
10.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Utiliti)	KADOK
11.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO)	PENGKALAN KUBOR
12.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD (TIMBALAN SPEAKER) <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
13.	YB DATO' HJ HASSAN B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.,S.M.K.,</i>	TAWANG
14.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K.,S.M.K.</i>	TANJONG MAS
15.	YB DATO' DR. RAMLI B MAMAT <i>D.J.M.K.</i>	BUNUT PAYONG

16.	YB DATO' HJ MOHAMAD B AWANG <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	GUAL PERIOK
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
19.	YB TUAN HJ ABDUL AZZIZ B KADIR <i>J.M.K.</i>	JELAWAT
20.	YB TUAN ABDUL RASUL B MOHAMED <i>J.M.K.</i>	APAM PUTRA
21.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
22.	YB TUAN MOHD NAZLAN B MOHAMED HASBULLAH <i>J.M.K.</i>	LIMBONGAN
23.	YB TUAN MOHD ROSELI B ISMAIL <i>J.M.K.</i>	KEMUNING
24.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K.</i>	TENDONG
25.	YB TUAN AHMAD FATHAN B MAHMOD @ MAHAMAD <i>J.M.K.</i>	CHEMPAKA
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
28.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
29.	YB TUAN MUHAMMAD B MAT SULAIMAN	MENGKEBANG
30.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

31.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH	GUCHIL
32.	YB TUAN WAN HASSAN B WAN IBRAHIM <i>J.M.K.</i>	SEMERAK
33.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
34.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
35.	YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI B CHE AHMAD <i>S.M.W.,P.G.D.K.,J.S.M.,A.M.N.,FISM</i>	KOK LANAS
36.	YB DATO' SRI MUSTAPA B MOHAMED <i>S.J.M.K.,S.S.A.P.,S.I.M.P.,D.P.M.S.</i>	AYER LANAS
37.	YB TUAN BAKRI @ MOHD BAKRI B MUSTAPHA <i>K.M.N.,S.M.K.,</i>	GUAL IPOH
38.	YB TUAN ABDUL AZIZ YUSOFF <i>P.P.N.,K.M.N.,S.M.K.,A.K.</i>	NENGGIRI
39.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS
40.	YB TUAN HJ AMRAN B ARIFFIN	PALOH

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | |
|----|---|--------|
| 1. | YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN
<i>D.J.M.K. (Kelantan)</i>
(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan dan Kesihatan) | KIJANG |
|----|---|--------|

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

- | | | |
|----|---|--------------------|
| 2. | YB DATO' HJ ANUAR TAN B ABDULLAH
<i>D.J.M.K.,J.P.</i> | KOTA LAMA |
| 3. | YB TUAN SAIFUL ADLI B ABU BAKAR
<i>J.M.K.</i> | SALOR |
| 4. | YB DATUK HJ AB AZIZ B HJ DERASHID
<i>P.G.D.K.,S.M.K.,J.P.</i> | KUALA BALAH |
| 5. | YB DATO' MOHD ADHAN B KECHIK
<i>D.J.M.K.,S.M.K.</i> | BUKIT BUNGA |
| 6. | YB DR. MD YUSNAN B YUSOF
(KEKOSONGAN KERUSI ADUN MELOR
SETELAH PENYANDANG ALLAHYARHAM
DR. HJ MD YUSNAN BIN YUSOF
MENINGGAL DUNIA PADA 1HB OGOS 2021) | MELOR |

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' HAJI NORAZMAN BIN AB. GHANI
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

TIDAK HADIR :

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K.,B.S.K.

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

**PERSIDANGAN KALI KEEMPAT
BAGI TEMPOH PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI KELANTAN YANG KEEMPATBELAS
PADA 27 DAN 28 SYAABAN 1444H
[20HB DAN 21HB MAC 2023/
ISNIN DAN SELASA]**

=====

SETIAUSAHA :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Keempat, Bagi Tempoh Penggal Kelima, Dewan Negeri Kelantan Yang Keempatbelas,

الفاتحه ...

I. - DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa....

[Sambil Berdiri]

II ... UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Ucapan Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya menerima surat permohonan untuk tidak menghadiri Persidangan pada kali ini dari dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Kijang dan Bukit Bunga. Untuk itu saya meluluskan permohonan mereka berdua pada kali ini. Saya juga mengucapkan selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak pada semua Ahli Yang Berhormat semoga kita semua mendapat taufik dan inayah dari Allah SWT.

اللهم بلغنا رمضان وبارك لنا فيه وارزقنا صيامه وقيامه

Ahli Yang Berhormat sekalian, bersama kita menyaksi, turut menyaksi persidangan kita pada kali ini adalah satu rombongan daripada Wanita Muslimat Terengganu yang diketuai oleh ADUN Wanitanya seramai 45 orang. Daripada Kelab Kebajikan Kota Bharu seramai 20 orang. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim (1) Pasir Mas, 40 orang murid dan 5 orang guru pengiring.

Sila.

III - PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KELIMA, DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN KEEMPATBELAS

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Pengesahan Peringatan Persidangan Kali Yang Ketiga Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Kelantan Keempatbelas.

YB DATO' SPEAKER : Minta cadangan...

YB HJ HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Peringatan Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kelima, Dewan Negeri Kelantan Keempatbelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin dan Rabu 29 RabiulAkhir, 02, 04 dan 05 JamadilAwal 1444 Hijriah bersamaan 24hb, 27hb, 29hb dan 30hb November 2022 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

YB DATO' SPEAKER : Minta sokongan...

YB MUHAMMAD BIN MAT SULAIMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Kelima, Dewan Negeri Kelantan Keempatbelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin dan Rabu 29 RabiulAkhir, 02, 04 dan 05 JamadilAwal 1444 Hijriah bersamaan 24hb, 27hb, 29hb dan 30hb November 2022 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”,
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK.”**

Dipersetujukan.

Peringatan Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Kelima, Dewan Negeri Kelantan Keempatbelas yang telah diadakan pada hari-hari Khamis, Ahad, Isnin dan Rabu 29 RabiulAkhir, 02, 04 dan 05 JamadilAwal 1444 Hijriah bersamaan 24hb, 27hb, 29hb dan 30hb November 2022 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

**[PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN) BAGI
TEMPOH PENGAL YANG KELIMA DEWAN NEGERI KELANTAN
KEEMPATBELAS DISAHKAN]**

**[SETIAUSAHA MENGANGKAT TEKS-TEKS PERINGATAN TERSEBUT
KEPADA YB DATO' SPEAKER]**

IV - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, Kertas-Kertas Yang Dibentang Di Atas Meja.

Kertas-Kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil. 01 Tahun 2023 hingga Kertas Dewan Bil. 07 Tahun 2023 sebagaimana berikut : -

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

1. Kertas Dewan Bil.1/2023 .. Kenyataan Wang Pendahuluan Yang Diperbuat mengikut Seksyen 6 (2) daripada Akta Pembangunan 1966 dibentangkan mengikut Seksyen 6 (2) daripada Wang Pembangunan 1966.
2. Kertas Dewan Bil. 2/2023 .. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023.
3. Kertas Dewan Bil. 3/2023 .. Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan Bagi Tahun 2021.
4. Kertas Dewan Bil. 4/2023 .. Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Bagi Tahun 2021.
5. Kertas Dewan Bil. 5/2023 .. Penyata Kewangan Yayasan Islam Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.
6. Kertas Dewan Bil. 6/2023 .. Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan Tahun 2021 dan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.
7. Kertas Dewan Bil. 7/2023 .. Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

8. Kertas Dewan Bil. 8/2023 .. Penyata Kewangan Majlis Daerah Pasir Puteh Tahun 2021.

V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Kelima, soalan-soalan yang diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Bertulis**.

Soalan-soalan oleh :

**YB MOHD NAZLAN B MOHAMED HASBULLAH
YB HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH
YB HILMI BIN ABDULLAH
YB HJ AZHAR BIN SALLEH
YB HJ HUZAIMY B CHE HUSIN
YB SAIFUL ADLI BIN ABU BAKAR
YB DATO' HJ MOHD ADHAN BIN KECHIK
YB HJ AMRAN BIN ARIFFIN
YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM**

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut**.

Soalan-soalan oleh :

**YB HJ ABDUL RAHMAN BIN YUNUS
YB HJH ROHANI BINTI IBRAHIM
YB MOHD NAZLAN B MOHAMED HASBULLAH
YB HJ ABDUL AZIZ BIN KADIR
YB HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB MOHD RODZI BIN JA'AFAR
YB HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH
YB HILMI BIN ABDULLAH
YB HJ AZHAR BIN SALLEH
YB SAIFUL ADLI BIN ABU BAKAR
YB DATUK SERI SR HJ MD ALWI BIN HJ CHE AHMAD**

YB DATUK HJ ABDUL AZIZ BIN DERASHID
YB DATO' HJ MOHD ADHAN BIN KECHIK
YB BAKRI@MOHD BAKRI BIN MUSTAPHA
YB ABDUL AZIZ BIN YUSOFF
YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM
YB HJ AMRAN BIN ARIFFIN
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED

[YB DATO' SPEAKER AKAN MENGAMBIL ALIH SETERUSNYA....]

YB DATO' SPEAKER : Dipersilakan Yang Berhormat Kok Lanas.

YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan yang pertama. Terima kasih.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah prosedur atau proses yang digunakan dalam urusan pengambilan tanah-tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan di Kelantan.]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengambilan tanah projek-projek kerajaan Persekutuan di Kelantan adalah diurus melalui JKPTG Negeri Kelantan di mana prosesnya adalah mempunyai persamaan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960. Antaranya pra pengambilan tanah iaitu mesti ada permohonan. Pertimbangan pentadbiran tanah apabila permohonan itu diangkat pada pentadbiran tanah terdahulu.

Kemudian pertimbangan dan penelitian oleh pihak UPEN atau kalau di wilayah di Wilayah Persekutuan, laporan penuh perundingan yang berjalan. Kemudian keputusan Pihak Berkuasa Negeri sama ada permohonan itu layak ataupun tidak. Barulah proses akan dikemuka dikeluarkan apabila dipersetujui oleh Pihak Kerajaan Negeri untuk menyatakan dalam seksyen (4) kepada tuan-tuan tanah. Kemudian

selama diberi tempoh dua tahun. Dalam masa itu sekiranya ada apa-apa, tidak ada apa-apa dalam masa singkat boleh setelah diberi notis seksyen (4) kemudian seksyen (8) untuk pengambilan. Itulah secara ringkas proses yang dibuat kecuali apabila pihak tuan-tuan tanah tidak bersetuju boleh lah mengemukakan rayuan di mahkamah. Mungkin hanya setuju dari segi harga untuk buat rayuan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Paloh.

YB TUAN AMRAN BIN ARIFFIN :

Terima kasih Dato' Speaker. Saya ada satu soalan tambahan berkenaan dengan pengambilan tanah bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan iaitu berkenaan dengan status terkini pengambilan tanah bagi pembinaan lebuh raya CSR menyebabkan projek daripada Bukit Sejuk ke Sungai Bayu yang mana melibatkan pengambilan ladang peneroka yang mana dua isu yang perlu saya jawab dibawah iaitu dari pihak kontraktor, bila apa ni kelulusan diberikan supaya kerja-kerja dapat dipercepatkan manakala pihak rakyat biasalah nak tahu bila boleh dapat pampasan. Terima kasih.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Kerajaan apabila naik sahaja ataupun di angkat daripada kerajaan, cerita apabila pengambilan tanah tidak ada banyak persoalan terutama apabila menyentuh kepentingan awam dengan serta merta boleh diberi kelulusan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Ayer Lanas.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, jumlah keluasan tanah untuk penduduk Kampung Orang Asli Sg Rual yang telah digazetkan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan kawasan ini memandangkan bilangan penduduk kampung tersebut yang tinggi.]

YB DATO' HJ MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Lanas dan juga dewan ini keluasan tanah ataupun penempatan bagi Orang Asli di Sungai Rual mengikut apa ini pelan warta yang telah diluluskan dalam tahun 2013 ialah seluas 592.82 hektar.

Adapun tentang cadangan untuk meluaskan kawasan ini kita menunggu cadangan dan juga permohonan daripada pihak JAKOA kerana biasanya urusan untuk penempatan orang Asli ini kita menerima cadangan daripada JAKOA dan apabila kerajaan berpuas hati dengan cadangan tersebut dari segi keluasan, kedudukan dan sebagainya barulah kita wartakan. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ayer Lanas.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED :

Dato' Speaker, soalan tambahan. Di kawasan Jeli cuma satu sahaja perkampungan Orang Asli berbanding Gua Musang yang banyak kawasan. Jadi saya ucap terima kasih kerana telah di gazet mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar akan diberi pertimbangan bila ada permohonan.

Isunya ialah yang pertama ialah pertambahan penduduk yang ketara buka pada tahun 1972, 15 tahun dulu cuma 104 keluarga, sekarang 205 keluarga.

Jadi isunya ialah keluasan tanah tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka dan hal orang Asli ini kita sedia maklum miskin mereka dan kawasan merayau mereka pun semakin berkurangan, berkaitan juga dengan pembalakan.

Jadi mengikut jawapan Yang Berhormat menunggu permohonan daripada JAKOA, tapi saya nak tahu apabila JAKOA membuat permohonan, apakah akan menjadi pertimbangan utama Kerajaan Negeri untuk menimbangkan permohonan tersebut.

Yang kedua apakah perancangan Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pusat untuk majukan taraf hidup sosio ekonomi Orang Asli. Kerana mereka dalam keadaan yang semakin tertindih, adakah Kerajaan Negeri menubuhkan pasukan khas Kerajaan Pusat dan Negeri untuk merancang kaedah-kaedah bagaimana boleh memajukan lagi permohonan Orang Asli bukan sahaja Sungai Rual, Jeli tapi juga seluruh Kelantan. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' HJ MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Untuk makluman Yang Berhormat sepertimana yang saya sebutkan tadi bila JAKOA angkat permohonan ataupun cadangan untuk pengwartaan kawasan penempatan Orang Asli, cadangan ini akan diteliti oleh pihak PTG melihat beberapa aspek antaranya ialah kedudukan kawasan tersebut sesuai, tidak sesuai ataupun berlaku pertindihan dan sebagainya.

Apabila pihak PTG telah berpuas hati cadangan ini akan diangkat kepada pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan. Dan bila masuk Majlis Mesyuarat Kerajaan ini kita biasanya akan buat keputusan segera, aaa segera kita tidak tangguhlah. Cuma kadang-kadang proses itu diperingkat penilaian oleh pihak PTG itu kadang-kadang berlaku kelambatan. Adapun tentang cadangan untuk meluaskan kawasan ini mungkin Yang Berhormat boleh berbincang ataupun mencadangkan kepada JAKOA supaya melihat perkara ini dan mengangkat permohonan seberapa segera kepada kerajaan.

Adapun tentang usaha apa ini meningkatkan taraf kehidupan Orang Asli ini kita Kerajaan Negeri lebih bersifat membantu dan memudah carakan kerana tugas utama ini sepertimana yang kita tahu dibawah JAKOA. JAKOA ini ditubuhkan khusus oleh Pihak Persekutuan untuk menjaga kebajikan dan hal ehwal Orang Asli dan setakat ini kita Negeri Kelantan ini memberi kerjasama penuh kepada JAKOA dalam perkara-perkara yang apa ni boleh memberikan kebaikan kepada Orang Asli, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulau Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pagi hari mari Dewan naik kereta Persona, mohon jawapan soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, adakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membangunkan Jajahan Machang sebagai jajahan perindustrian dan apakah perkembangan terkini IBS di Sungai Bagan Estet diatas tapak seluas 200 hektar.]

YB DATO' SPEAKER :

Belago ko lagu tu?

YB DATO' HJ HANIFA BIN AHMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Pulau Chondong di atas soalan nombor tiga. Jawapannya ialah sebelum saya jawab tu, saya nak perbetulkan fakta sikit. Soalannya apakah perkembangan terkini IBS di Sungai Bagan Estate di atas tapak seluas 200 hektar. Sebenarnya bukan 200 hektar, 200 ekar, terima kasih.

Berdasar kepada rancangan struktur negeri, Machang akan memfokus kepada aktiviti berasaskan kepada pendidikan Institusi Latihan Pertanian Dan Pelancongan. Walau bagaimanapun dengan mengambil kira perkembangan terkini sektor perindustrian dijalankan di jajahan Machang khususnya dengan pembangunan bandar IBS ataupun *industrial* dengan izin *building system*, majlis Daerah Machang akan

menyelaras semula aktiviti perindustrian dalam kawasan rancangan tempatan jajahan Machang yang akan dilaksanakan kepada masa akan datang.

Dalam konteks IBS, Kerajaan Negeri telah melantik Perbadanan Iktisad Negeri Kelantan iaitu PKINK sebagai pengurus projek pembinaan infrastruktur asas bagi taman industri IBS, Bagan Labok Machang. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur asas tersebut bermula pada 15 Ogos 2022 dan dijadual siap pada 12 Ogos 2024 iaitu selama dua tahun. Sehingga Mac 2023 kemajuan fizikal di tapak telah mencapai 7%. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur asas dijangka akan menjadi semakin rancak pada bulan April dan seterusnya. Setelah pihak PKINK mendapat kelulusan penuh penilaian impak alam sekitar EIA daripada Jabatan Alam sekitar Negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam dewan, pembangunan taman industri IBS ini bakal menyediakan 47 lot industri, 60 lot kedai pejabat komersial dan akan dijangka akan mewujudkan 3500 peluang pekerjaan baru pada rakyat Negeri Kelantan.

Satu lagi projek di Machang khususnya juga dalam kawasan Sungai Bagan Estet, Machang ialah pembangunan hospital swasta, rumah kedai dan perumahan awam di atas tanah seluas 62 ekar dengan kos tanah lebih kurang dalam RM6.9 juta yang telahpun dibayar oleh syarikat yang berjaya untuk apa ni menjayakan projek ini. Syarikat berkenaan ialah syarikat Kumpulan Sekata Sdn Bhd yang telah mendapat kelulusan *zonning* untuk hospital swasta daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB HJ ABD. RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, jelaskan Pondok Pasir Tumboh merupakan salah satu destinasi Pelancongan. Apakah usaha kerajaan bagi kemudahan Asas yang kurang baik.]

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pasir Tumboh. Terdapat beberapa destinasi pelancongan di Kelantan ini termasuk pondok-pondok ya, pondok di Pasir Puteh, pondok Kandis di Bachok dan begitu juga pondok di Pasir Tumboh. Rancangan kerajaan setakat ini untuk menambah baik kemudahan asas di pondok Pasir Tumboh seperti memperbaiki landskap yang sesuai, galeri yang ada di ubah suai atau ditambah baik dan begitu juga mengadakan bilik penginapan. Begitu juga dengan tempat letak kereta atau kawasan parking kenderaan di kawasan Pasir Tumboh. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pantai Irama.

YB HJ HUZAIMY B CHE HUSIN

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Industri pelancongan di Kelantan semakin subur dan industri ini juga semakin rancak selepas daripada kurangnya Covid, redanya Covid-19. Soalannya sejauh mana semangat kebersamaan atau penyelarasan bersama dengan agensi-agensi yang terlibat termasuk juga NGO Kebudayaan dalam menggerakkan aktiviti kebayan ini. Dan juga saya difahamkan dalam satu masa dahulu Pejabat Tanah Jajahan Bachok dan juga Majlis Daerah Bachok bandar pelancongan islam telah mengadakan meja bulat, persidangan meja bulat dengan NGO-NGO Kebudayaan dan telah menghasilkan atau disebut sebagai Jejak Warisan Bachok (JWB) yang telah mencukulkan atau menimbulkan beberapa-beberapa lokasi, beberapa lokasi yang perlu didapati oleh pelancong terutamanya pelancong dalam negeri dan juga luar negeri termasuk pelancong, pelancongan ilmu termasuk juga seperti Seni Studio And Gallery (SSG) yang berada di Beris Lalang dan juga beberapa kawasan lain termasuk tempat membuat rebana ubi di Bukit Marok di antara lokasi-lokasi di

sebut sebagai Jejak Warisan Kebudayaan yang diterjemahkan dalam jejak warisan Bachok, terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Pantai Irama. Sebenarnya Pantai Irama ini "*sudah gaharu, cendana pula, sudah tahu bertanya pula*". Tetapi oleh kerana melibatkan Jejak Warisan ini aspek kebudayaan Negeri Kelantan ini kita bekerjasama dengan NGO-NGO termasuk dalam permainan wayang kulit ataupun rebana, kertuk, seni silat dan lain-lain lagi. Sebab itulah kita membaik pulih di Pantai Melawi kita mempunyai satu *pillbox*, kubu British. Dulu masa melawan Jepun.

Jadi setelah mendapat sambutan kerana ada dataran dia boleh bergambar di situ dan sebagainya. Kita akan teruskan, kita akan beri kerjasama sepenuhnya kepada NGO-NGO yang meminati dalam aspek warisan kebudayaan mahupun makanan tradisional seperti kerabu nipah di kawasan Bachok, sambal pijak di kawasan Jeli dan Dabong, Kuala Krai jadi ini sedang berjalan dan saya ucap terima kasih kepada semua NGO-NGO yang meminati kawasan aspek kebudayaan dan warisan di Kelantan ini. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ayer Lanas.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED :

Terima kasih Dato' Speaker. Kalau kita lihat kepada pondok sebagai destinasi pelancongan ini antara daya tarikan di Kelantan lah. Kalau kita lihat semua destinasi pondok ini sebagai destinasi pelancongan, mana satu yang terbaik yang terulunglah dan adakah yang terbaik itu boleh kita jadikan contoh templet untuk diikuti oleh pondok-pondok lainlah maksud saya boleh tak kita namakan satu destinasi pondok yang ulung, yang terbaik di Kelantan ini yang boleh kita promosikan bukan sahaja dalam negeri kita dan juga di luar negeri. Terima kasih Dato' Speaker.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Ayer Lanas. Sangat meminati aspek pelancongan juga dan kita nampak di Jeli itu terserlah sekarang ya.

Walau bagaimanapun pondok yang sesuai untuk dilawati kalau kita pergi ke Jeram Mengaji, kawasan DUN Selising ya, Pasir Puteh ada sebuah pondok yang dinamakan Ihya Ulumuddin di Kampung Berangan, itu boleh jadi *Benchmark* sekali pondok itu tersebut. Juga di Pasir Tumboh dan juga di Kandis, di Kandis kerana ada pondok moden dan kita dah siap dah chalet tertentu ada empat buah rumah penginapan. Jadi bolehla melawati tempat-tempat tersebut dan sangat sesuai. Dan ini juga telah dilawati oleh pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa juga. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Galas.

YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan untuk soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah usaha yang dibuat oleh Jabatan Sumber Air Kelantan bagi menyelesaikan masalah pengambilan sumber air yang tidak terkawal yang boleh menjejaskan punca sumber air iaitu sungai-sungai di kawasan Lojing.]

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Galas. Untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan adalah diberi mandat sebagaimana bila Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 untuk menjalankan penguatkuasaan lesen bagi semua penggunaan sumber air khususnya di Tanah Tinggi Lojing. Semakan yang dibuat oleh Jabatan mendapati bahawa terdapat beratus-ratus pengusaha kebun sayur telah menggunakan sumber air untuk kegunaan bertani komersial tanpa lesen yang sah.

Sehingga tahun 2022 data guna tanah yang diperolehi daripada plan Malaysia Kelantan telah menunjukkan sejumlah 20 000 hektar

bersamaan dengan 49 420 ekar tanah di Jajahan Kecil Lojing telah digunakan bagi tujuan pertanian juga secara langsung telah menggunakan sumber air tanpa sebarang kebenaran dari pihak jabatan. Masalah pengambilan sumber air tanpa kawalan yang berlaku kini hanya boleh dikawal melalui pelesenan dan penguatkuasaan oleh jabatan kerajaan. Jabatan telah merangka dan mengatur strategi bagi perlesenan semua pengebum melalui lesen sementara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 21 yang bersidang pada 19 Oktober 2022. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan oleh kerana beratus-ratus pekebun mengusahakan ladang di kawasan Lojing ini satu pasukan khas perlu ditubuhkan bagi kita menguatkuasa kes-kes kecurian sumber air ini. Saya ingin mencadangkan agar pasukan khas ini diwujudkan terus di bawah pejabat keseliaan pejabat Yang Berhormat Exco agar perkara-perkara kecurian ini dapat kita kurangkan dari semasa ke semasa. Saya ambil contoh lawatan mengejut juga boleh dilaksanakan sebagaimana yang dibuat oleh Yang Berhormat Exco pada Mei 2019 di mana kita dapat mengesan kes kecurian air di sungai yang natijahnya menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dibayar lebih daripada RM700 ribu kerana kejayaan kita mengesan kes kecurian air pada waktu itu. Terima kasih.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih kepada soalan tambahan. Satu cadangan yang baik. In Sya Allah kita akan bincang nanti.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Nenggiri.

YB TUAN ABDUL AZIZ YUSOFF :

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan, apakah langkah-langkah kerajaan di dalam kita mengawal sumber air khususnya punca air

tandak dimana terdapat pencemaran ataupun pembalakan yang menyebabkan air tandak ini apabila hujan dia menjadi keruh dan bila kemarau ianya menjadi kering. Takdok air. Apakah yang dibuat oleh tindakan kerajaan? Terima kasih.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih kepada soalan tambahan. Kalu boleh spesifik sikit kawasan tandak mana tu untuk kita dapat maklumat secara *detail* nanti In Syaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Ok dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah mereka yang berkahwin di Thailand yang tidak didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Kelantan.]

YB DATO' PANGLIMA PERANG HJ MOHD NASSURUDDIN BIN HJ DAUD:

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kelaboran yang mengemukakan soalan. Perkahwinan tanpa kebenaran

merupakan perkahwinan yang melanggar batas normal kemasyarakatan walaupun menepati hukum syarak, berkahwin ini tetap dipandang sebagai satu kesalahan di sisi undang-undang keluarga islam. Faktor utama pasangan mengambil tindakan ini disebabkan tidak mendapat kebenaran daripada wali, tentangan keluarga, keinginan untuk berpoligami dan tidak mahu mengikut prosedur perkahwinan yang dikatakan rumit.

Perkahwinan yang dituntut dalam islam adalah perkahwinan yang menepati hukum syariat yang telah digariskan. Walau bagaimanapun dalam kehidupan masyarakat terdapat juga perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kebenaran. Mana-mana pasangan yang bernikah tanpa kebenaran di kira melanggar Seksyen 40(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 dimana kesalahan ini boleh menyebabkan mereka dihukum denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan dengan itu, antara usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan bagi menyelesaikan masalah mereka yang berkahwin di Thailand yang tidak didaftarkan ialah dengan melaksanakan Program Pemutihan Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran, sah nikah hidup berkat selama tiga bulan bermula 14 November 2021 hingga 14 Februari 2022.

Program ini mensasarkan perkahwinan yang berlangsung bermula tahun 2005 dan sebelumnya. Di mana pemohon hanya perlu mendaftarkan terus perkahwinan tersebut di bahagian Undang-Undang Keluarga Islam atau Pejabat-Pejabat Agama Jajahan tanpa perlu membayar denda di mahkamah.

Statistik menunjukkan bilangan jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan sepanjang program ini dilaksanakan adalah sebanyak 207 kes. Perinciannya adalah seperti berikut:

BIL.	BAHAGIAN	KES
1.	Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam	60
2.	Pejabat Agama Jajahan Kota Bharu	23
3.	Pejabat Agama Jajahan Pasir Mas	46
4.	Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah	16
5.	Pejabat Agama Jajahan Bachok	12

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

6.	Pejabat Agama Jajahan Gua Musang	3
7.	Pejabat Agama Jajahan Pasir Puteh	7
8.	Pejabat Agama Jajahan Machang	7
9.	Pejabat Agama Jajahan Jeli	4
10.	Pejabat Agama Jajahan Tumpat	21
11.	Pejabat Agama Jajahan Kuala Krai	8

Seksyen Agama Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing tidak ada didaftarkan walaupun satu kes.

Selain itu juga, antara usaha lain yang dilakukan untuk menggalakkan mereka supaya mendaftar perkahwinan setelah berkahwin di Thailand ialah yang pertama melalui penerangan dalam kursus Pra Perkahwinan. Yang kedua melalui perjumpaan imam-imam mukim supaya memaklumkan perkara tersebut kepada anak mukim.

Yang ketiga melalui perjumpaan Penolong Pendaftar Perkahwinan mengenai kepentingan pendaftaran anak mukim. Yang keempat memberi penerangan dalam kursus pasca perkahwinan. Yang kelima penerangan melalui ceramah-ceramah mengenai kesan-kesan perkahwinan yang tidak didaftarkan. Sekian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Ramai nak bertanya ni. Sila Kok Lanas dulu.

YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya minta maaf saya lambat tadi. Daripada pengalaman Kerajaan Negeri dan juga pengalaman Dato' Exco yang telah begitu lama memegang portfolio agama ini, apakah benar *connotation* yang mengatakan bahawa lebih baik minta maaf daripada minta kebenaran. Itu sahaja soalan tambahan. Kalu boleh ulas sikit.

YB DATO' PANGLIMA PERANG HJ MOHD NASSURUDDIN BIN HJ DAUD:

Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Kok Lanas yang nampaknya berminat tentang topik ini. Sebenarnya pihak kerajaan bukan merumitkan untuk rakyat Kelantan melangsungkan perkahwinan sama ada yang belum berkahwin, tak pernah berkahwin ataupun yang

nak berpoligami. Di mana pasangan yang nak berpoligami hendaklah memohon kebenaran daripada mahkamah walaupun isteri pertama tidak bersetuju. Kalau mahkamah mendapati pemohon itu menepati syarak-syarak yang ditetapkan oleh hukum syarak, maka pihak mahkamah boleh memberi kebenaran. Jadi tidak timbul masalah langsung dalam perkara ini. Cuma perlu kepada keberanian. Itu sahaja.

YB DATO' SPEAKER :

Ada peluang tu Yang terhormat. Sila Tawang napok minat juga ni.

YB DATO'HJ HASSAN BIN MAHMOOD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Jadi soalnya tambahannya masalah sekarang ininya, nikoh alik siam ni lambat daftar, lambat nok selesai. Jadi soalnya bagaimana proses pendaftaran itu dapat dipercepatkan dalam tempoh seminggu ke, dua minggu ke? Masalah sekarang ini lambat sehingga dua tahun, tiga tahun. Dapat anak nok bin kepada bapa dia ni tak boleh. Hal ini yang rakyat nak tahu. Apakah langkah-langkah yang kerajaan boleh royak ke rakyat kalau berlaku perkahwinan di Thailand pendaftaran itu dapat dipercepatkan.

YB DATO' PANGLIMA PERANG HJ MOHD NASSURUDDIN BIN HJ DAUD:

Sebenarnya kelambatan kelewatan itu berlaku kerana mereka sendiri lewat mendaftar, satu. Yang kedua bila mereka mendaftar maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh pihak pentadbiran itu tidak cukup. Umpamanya mereka apa nama ini berkahwin di Thailand tetapi mereka memasuki Thailand tidak dengan jalan yang sah. Jadi siapa yang nak mengesahkan perkahwinan ini. Dia perlu masuk dengan passport, keno cop passport.

Jadi kalau peraturan-peraturan itu diikuti maka pendaftaran itu akan dapat dilakukan dengan segera In Syaa Allah. Kalau Tawang ada masalah ataupun rakyat Tawang ada masalah bab ini boleh berhubung dengan pihak Pejabat Agama dan kalau tok selesai boleh maklum kepada Exco Pembangunan Islam In Syaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Paloh pun nok jugok? Sila Paloh.

YB TUAN AMRAN BIN ARIFFIN :

Isu sedak kea ni. Pertamanya terima kasih kepada Yang berhormat Exco kerana yang telah mengadakan program pemutihan yang mana sebenarnya membantu kepada isu-isu daftar lewat perkahwinan disebabkan berkahwin alik Siam ini. Cuma saya, soalan tambahan adakah pihak kerajaan akan mengadakan program ini secara berkala kerana kepentingannya banyak.

Sekiranya melebihi tujuh tahun dia akan berbangkit pada isu kedua anak sekolah, Allahuakbar. Takdok surat beranak, takdok gapo. Jadi kalau saya sarankan kalaulah program ini dijalan secara berkala bukan sahaja melibatkan MAIK tetapi perlu melibatkan JPN, Jabatan Pendaftaran Negara. Kerana dibawah ini isu berbangkit. Maknanya tak boleh wak surat beranak, tokleh wak IC dan sebagainya, terima kasih.

YB DATO' PANGLIMA PERANG HJ MOHD NASSURUDDIN BIN HJ DAUD:

Itu satu cadangan yang baik dan In Syaa Allah pihak kerajaan akan pertimbangkan.

YB DATO' SPEAKER :

Semerak takdok soalan? Dipersilakan Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan bercadang untuk membina Pusat Pemindahan Banjir Sementara (PPS) Kekal di setiap jajahan yang terlibat dengan banjir di seluruh Kelantan.]

YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Gaal. Kerajaan memang bercadang untuk membina Pusat Pemindahan Kekal (PPK) di setiap jajahan yang terlibat dengan banjir. Setakat ini pihak kerajaan telah pun mengenal pasti 15 lokasi bagi pembinaan tempat ini walaubagaimanapun dapat 12 lokasi di bawah tanah kerajaan manakala 3 lokasi lain adalah tanah yang perlu dibuat pengambilan balik yang melibatkan,

BIL.	JAJAHAN	LOKASI / DAERAH	LUAS	STATUS TANAH
1.	Kota Bharu	Kompleks Kebajikan, Madinah As Salam, Tunjong	1.500 ekar	Tanah Kerajaan
2.	Kota Bharu	Kampung Ketereh (SK Seri Ketereh)	0.300 ekar	Milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)
3.	Tumpat	PT 1541, Kg Pengkalan Nangka, Mukim Tumpat, Jajahan Tumpat	20.607 ekar	Tanah Kerajaan
4.	Pasir Mas	Kampung Kelapa Wangi, Mukim Apam Gual Periok Pasir Mas	5 ekar	Tanah Kerajaan
5.	Machang	Pulai Chondong	3 ekar	Tanah Rizab Haiwan
6.	Pasir Puteh	Padang Pak Amat	5.893 ekar	Tanah Milik Individu
7.	Pasir Puteh	Cherang Ruku	3.156 ekar	Tanah Milik Individu
8.	Pasir Puteh	Changgai	2.118 ekar	Tanah Milik Individu
9.	Tanah Merah	Jedok, Kampung Bendang Besar	2.328 ekar	Tanah Kerajaan
10.	Tanah Merah	Ulu kusial, Kampung Sokor	0.142 ekar	Tanah Kerajaan

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

11.	Kuala Krai	Kampung Pahi, Kuala Pahi	5.985 ekar	Milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)
12.	Kuala Krai	Kampung Kemubu, Kemubu	5 ekar	Tanah Kerajaan
13.	Jeli	Tapak Pasar Tani Kg Ayer Lanas 17600 Jeli Kelantan	10.966 ekar	Tanah Kerajaan
14.	Gua Musang	Kampung Ketil, Gua Musang	23.131 ekar	Milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)
15.	Gua Musang	Kg Limau Kasturi, Bertam	1 ekar	Tanah Kerajaan

Kerajaan juga berbincang dengan pihak agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menggunakan peta (NADMA) bagi membina sekurang-kurangnya 3 buah dulu Pusat Pemindahan Kekal. Pada 13 Februari 2023 ketua NADMA telah melawat tiga kawasan di Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas iaitu di Kompleks Kebajikan di Kampung Nangka dan juga Kampung Bangi. Kita doakan agar ianya dipercepatkan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kok Lanas.

YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Dato' Exco, Yang Berhormat. Saya di Ketereh ada satu pusat yang tak perlu pun dibina oleh kerajaan tapi pusat ini dah memang menjadi tumpuan kepada mangsa banjir iaitu di pusat Outreach Abim di atas tali air. Masa saya pengerusi KADA dulu kita ada peruntukkan sedikit kita bina bangunan. Sekarang ini bangunan itu sebahagiannya sudah rosak.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai peruntukkan dibawah peruntukkan Pusat Banjir ini saya nak cadangkan supaya tempat itu di *upgrade* sebab di situ adalah bukan sahaja boleh berguna semasa banjir tetapi boleh digunakan untuk penempatan anak-anak Orang Asli yang di buat oleh Outreach Abim. Terima kasih.

YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI :

Terima kasih Kok Lanas. Dalam hal ini kerana ia melibatkan tanah persendirian bukan tanah kerajaan ...tanah kerajaan?

YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Kerajaan, tanah KADA

YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI :

... tanah KADA? Kalau tanah KADA saya rasa ini boleh In Syaa Allah boleh diangkat kepada pihak (NADMA) untuk sama-sama kita pertimbangkan kerana dalam pengurusan banjir ini untuk urusan pemindahan ini akan diselesaikan dibawah (NADMA) dan juga JKM, In Syaa Allah terima kasih.

[DATO' TIMBALAN SPEAKER MENGAMBIL ALIH]

DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Bunot Payong.

YB DATO' DR. RAMLI BIN MAMAT :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Saya nak tanya berkenaan dengan tempat penempatan mangsa banjir ini. Adakah praktikal kita bina bangunan tetap sedangkan penggunaan pada mangsa banjir ini adalah untuk seketika sahaja. Jadi minta jelaskan.

YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI :

Terima kasih kepada Bunot Payong. Dalam kes ini dinamakan sebagai Pusat Pemindahan Kekal (PPK) bukan Pusat Pemindahan Banjir. Ertinya ia akan digunakan dalam segala hal yang membabitkan hal serta berkaitan bencana, bukan hanya ketika banjir sahaja.

Dalam hal ini kita melihat sekarang kebanyakan pusat-pusat pemindahan banjir sementara ini digunakan di sekolah-sekolah. Ini menganggu sistem persekolahan kerana sekarang ini krisis ataupun

bencana banjir berlaku kadang-kadang tidak mengikut musim dan kita kadang-kadang mengalami masalah sebagaimana Covid-19 yang telah pun kita hadapi sebelum ini. Jadi cadangan untuk Pusat Pemindahan Kekal (PPK) ini adalah perlu bagi kemudahan rakyat. Terima kasih.

DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Dipersilakan YB Haji Mohd Rusli Bin Abdullah, Wakaf Bharu.

YB MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, perkembangan semasa pembinaan menara telekomunikasi yang akan dipasang dikeseluruhan Negeri Kelantan sebagaimana yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan.]

YB DATO' DR. HJ. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Wakaf Bharu. Yang Berhormat Dato' Speaker, Pelaksanaan Pelan Digital Negara (JENDELA) fasa 1 (2020-2022) dan fasa II (2023-2025) dimana capaian jaringan dan liputan internet sedang diperluaskan secara berperingkat di Negeri Kelantan. Setakat ini sebanyak 64 buah menara baharu telah siap beroperasi. Baki 65 lagi dalam peringkat perlaksanaan daripada 129 jumlah yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat perlaksanaan akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Selain daripada menara-menara baru, naiktaraf stesen pemancar juga dilaksanakan yang mana sebanyak 1925 buah yang telah dirancang dan siap sebanyak 1921, maknanya tinggal empat sahaja lagi yang belum siap dinaiktarafkan. Begitu juga dengan premis tersedia gentian optic

perancangan adalah sebanyak 82 370 premis hampir separuh telah siap iaitu sebanyak 39 976 buah. Terima kasih.

DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Silakan Wakaf Bharu.

YB MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan yang ada pada pagi ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga SKMM yang mana telah mengambil tindakan di atas soalan yang telah dibangkitkan oleh Wakaf Bharu sebelum ini iaitu dengan melaksanakan beberapa lokasi iaitu dalam bentuk portable ataupun menara sementara. Walaupun sementara ianya dapat membantu masalah telekomunikasi di Wakaf Bharu khususnya.

Jadi soalan tambahan apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memohon kepada SKMM menyenaraikan menara-menara sama ada menara kekal ataupun sementara untuk diagihkan kepada 45 DUN sebagai panduan kepada kita semua. Sekian terima kasih.

YB DATO' DR. HJ. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Ok terima kasih kepada soalan tambahan. Memang Kerajaan Negeri sangat rapat berkerjasama dengan pihak SKMM. Begitu juga dengan Kementerian Komunikasi. Kerajaan yang lepas, maksud saya kerajaan sebelum daripada Pilihanraya yang ke -15, kita mengadakan perjumpaan antara kementerian dan juga wakil-wakil Kerajaan Negeri 3-4 kali setahun.

Di situ kita diberikan maklumat berkenaan dengan projek-projek yang sedang berjalan dan juga maklumat-maklumat berkenaan dengan sejauh mana terutamanya projek JENDELA ini telah dapat disempurnakan oleh pihak-pihak yang berwajib terutamanya oleh pihak TELCO. Kita mengharapkan kerajaan baru ini pun dapat meneruskan usaha yang baik ini supaya Kerajaan Negeri mendapat maklumat berhubung dengan perkembangan-perkembangan yang terbaru. Saya difahamkan baru-baru ini Menteri Komunikasi datang ke Kelantan dan melawat beberapa tempat terutamanya menara-menara baru. Kita ucapkan terima kasih tapi alangkah baiknya kalau wakil Kerajaan Negeri juga dijemput untuk bersama supaya jalinan kerjasama yang baik itu dapat dikekalkan ya.

Selain daripada itu, berbalik kepada cadangan tersebut In Syaa Allah kita akan melaksanakan oleh kerana 129 tapak untuk saya senaraikan pada pagi ini adalah terlalu banyak dan terlalu panjang. Cukup bagi saya untuk saya simpulkan Bachok adalah dirancangkan sebanyak empat buah dan kesemua empat-empatnya telah siap dilaksanakan.

Gua Musang sebanyak 13 buah tapi setakat ini hanya 2 buah yang mampu disiapkan. Jeli sebanyak 9 buah yang telah siap 3, Jajahan Kecil Lojing 8 buah dalam perancangan belum siap sepenuhnya. Tidak ada yang siap maksud saya. Kota Bharu 12 yang dirancang, kesemuanya telah siap dilaksanakan, dibina. Kuala Krai 31 buah tetapi yang siap hanya baru 3 buah sahaja. Machang 12 buah, yang telah siap sudah pun 9 buah. Pasir Mas 11, kesemuanya telah siap. Pasir Puteh 5, kesemuanya telah siap. Tanah Merah 16, yang siap adalah 7. Tumpat 8, yang siapnya kesemua, ya. 129 yang dirancang 64 telah siap, dalam pelaksanaan 65 buah, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Silakan, kok lanas.

YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI B CHE AHMAD :

Terima kasih. *Background* dalam kawasan saya Kok Lanan terdapat sebuah Kem Tentera yang menempatkan 4 Batalion besar dan 12 unit-unit kecil dan di situ rungutan dulu, saya dah sebut dulu kerajaan, kerajaan sebelum ini telah pun bersetuju untuk memastikan bahawa kawasan kem tentera itu yang sangat memerlukan capaian internet yang pantas dan konsisten, dengan izin. Sebelum saya nak tanya jadi tak tahu yang 8 buah di Kota Bharu Itu telah siap.

Jadi soalan tambahan saya ialah 12 Kota Bharu, oh 12. Soalan tambahan saya, saya diberitahu akan dibuat oleh Syarikat Kerajaan Negeri yang bernama Infraques semua – semua pelaksanaan akan dilaksanakan oleh anak Syarikat Kerajaan Negeri Infraques. Soalan tambahan saya apakah pencapaian internet untuk kawasan keselamatan itu sekarang ini telah pun dipenuhi, sebab itu merupakan janji Menteri dahulu bersama dengan Menteri Pertahanan kepada Kem Tentera sebab aset-aset terbaru mereka memerlukan pencapaian internet yang baik. Terima kasih.

YB DATO' DR. HJ. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada Kok Lanas, itu penting ya saya faham keperluan itu. Dan oleh kerana itu kawasan keselamatan mungkin ada beberapa prosedur yang perlu diikuti. Walaubagaimanapun saya akan dapatkan Kerjasama daripada (STMM) untuk kita tahu sejauh mana pekungannya untuk hari ini saya tidak boleh bagi jawapan yang tepat. Terima kasih walaubagaimanapun kita mengambil berat soal itu, dan itu mesti diberikan keutamaan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Guchil.

YB TUAN HILMI B ABDULLAH:

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sungguh terang cahaya bulan, Syahru Syaaban diakhir pecan, Ahlam Wasahlam ya Ramadhan, Dato' Speaker soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memenuhi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.]

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Luluslah pantun, yang tadi tak lulus yang tadi.

YB HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Guchil. Dalam memenuhi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, Kerajaan Negeri Melalui Persidangan Bagi

Jawatankuasa Kerja Sekuriti Makanan Negeri Bilangan 1, 2022 pada 1hb Jun 2022 dan Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan Negeri Bilangan 1, 2022 pada 26hb September 2022 telah membuat ketetapan agar penekanan Sekuriti Makanan Negeri Kelantan perlu meliputi 5 teras strategik utama dalam Dasar Sekuriti Makanan Negara. Teras strategik pertama Perluasan Penggunaan Teknologi. Teras strategik kedua Memperkasaan Kajian Dan Penyelidikan. Teras strategik ketiga Memperkasaan Data Sekuriti Makanan. Teras strategik empat Perluasan Kolaborasi Strategik dan yang kelima, Penggukuhan Governant Jawatan Dan Agensi.

Selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara pada tahun 2021- 2025 pelbagai usaha Kerajaan Negeri, melalui jabatan-jabatan dan agensi berkaitan telah dan sedang dilaksanakan. Ianya juga selaras dengan Dasar Pertanian dan Pelan Tindakan Strategik Pertanian Negeri Kelantan 2021-2025 yang telah digariskan dalam gagasan “Bertani Satu Ibadah” kearah menjadikan Kelantan Jelapang Makanan Negara.

Yang Berhormat Dato’ Speaker, Alhamdulillah Negeri Kelantan terus mengalami perkembangan baik dan peningkatan hasil-hasil pertanian melalui beberapa sektor seperti padi, penternakan kambing, buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi sumber makanan padi atau beras, kadar sara diri bagi Negeri Kelantan 2020 ialah telah mencapai 208%. Dari segi kelapa mencapai 196%, sumber daging kambing dan bebiri mencapai 190%, buah-buahan 117%, sayur-sayuran 98% dan sumber protein ikan 93%.

Ada empat sektor yang perlu diberikan fokus dan tumpuan memandangkan tahap sara diri SSL Negeri masih rendah iaitu ternakan lembu dan kerbau 17%, susu segar 16%, daging ayam 11% dan telur ayam serta itik 0.8%.

Di bawah Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan Negeri Kelantan telah dibincangkan usaha-usaha bagi meningkatkan kadar sara diri kepada empat sektor tersebut dengan memfokuskan beberapa projek.

Yang pertama Kerajaan Negeri telah meluluskan pembangunan industri ternakan ayam pedaging melalui projek Komuniti Ternakan Ayam Pedaging yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dengan kerjasama kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dengan peruntukan sejumlah RM1 280 000.

Yang kedua projek penghasilan sumber makanan ternakan ruminan dari sumber rumput napier 209 dengan peruntukan sebanyak RM2 250 000. Yang ketiga projek ternakan lembu Intergrasi Al-Falah melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad yang akan dilaksanakan di ladang-ladang sawit bagi meningkatkan pengeluaran lembu serta kerajaan juga telah memasukkan dalam peruntukan Bajet 2023 untuk penternakan kerbau.

Yang keempat dalam usaha meningkatkan pengeluaran susu segar, kerajaan melalui kerjasama ECRDC telah bersetuju untuk membina dua pusat pengumpulan susu segar. Satu di Ketereh dan di Pasir Putih.

Bagi merencanakan pengumpulan dan pengeluaran tersebut, melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan telah memfokuskan bantuan imput-imput ternakan kepada para penternak terutamanya kambing dan juga lembu tenusu, penternak yang sedia menternak lembu-lembu tenusu dan kambing-kambing tenusu dan juga peternak-peternak baru di kawasan-kawasan terpilih.

Yang kelima, dalam usaha meningkatkan kadar sara diri sumber telur Kerajaan Negeri dalam proses berbincang dengan beberapa syarikat dan pelabur-pelabur berpontesi di mana beberapa tapak projek telah dikenal pasti dan disediakan untuk pembangunan ladang-ladang, ladang ayam penelur.

Yang keenam, Jawatankuasa Food Sekuriti Negeri juga bersetuju dan telah memanjangkan cadangan projek pembinaan, pusat penternakan ayam dan penetasan telur A3 pada pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECRDC) bagi mendapatkan kerjasama dan bantuan dalam menjayakan projek-projek tersebut oleh kaedah-kaedah yang sesuai. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Guchil.

YB TUAN HILMI B ABDULLAH :

Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Exco. Daripada jawapan tadi kita apa telah mengadakan pelbagai usahalah untuk mengatasi masalah food sekuriti terutama sekali dalam Negeri Kelantan. Akhir sekali, mengenai telur Malaysia merupakan pengeksport utama telur suatu waktu dahulu di tempat ketiga selepas Thailand dan Indonesialah.

Daripada jawapan tadi kita dapat tahu bahawasanya aset-aset untuk telur amatlah rendahlah dan telur akan menjadi permintaan utama menjelang Ramadhan dan juga syawal. Biasanya kaum wanita Armalah akan mengusahakan membuat kuih-muih dan juga kuih raya menjelang Ramadhan. Kemungkinan kita tahun ini tidak ada kuih raya kerana harga telur tinggi, harga kuih akan meningkat.

Soalan saya apakah sebenarnya masalah utama yang dihadapi sebab soalan ini sebenarnya sesuai di tanya kepada Menteri tapi kalau boleh Yang Berhormat Exco dapat memberikan sedikit pencerahan, masalah utama yang menyebabkan sehingga ke hari ini masalah telur masih belum dapat di atasi. Kalau tiktok masyarakat netizen akan tanya mana telur kami? Jadi kalau boleh Yang Berhormat Exco dapat memberikan pencerahan dan penerangan masalah utama yang dihadapi oleh Negara dan juga Negeri untuk membolehkan aset-aset telur kembali meningkat. Terima kasih.

YB HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Guchil, Sebenarnya isu telur bukan telur kita, telur ayam menjadi persoalan yang dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat, Parlimen yang agak hebat perbincangannya. Di mana memanglah Malaysia merupakan Negara pengeluar telur untuk pasaran domestik dan pasaran eskport ke Luar Negara. Dimana sejak tahun 2010 kalau kita tengok data daripada pejabat Perangkaan, banyak ladang-ladang ternakan ayam penelur dilaksanakan di Malaysia yang pernah mencapai pada 2010 ternakan ayam ini melebihi 60 juta ekor ayam penelur. Dan kalau kita tengok dalam perbahasan Dewan Rakyat baru-baru ni sebab soalan ini biasanya perlu dibangkitkan kepada Kementerian Pertanian dan juga keterjaminan makanan Malaysia. Saya tengok perbahasan menarik daripada sorang Ahli Parlimen Ayer Hitam Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, dia kata pertimbangan di antara nak mengawal harga kawalan telur dan juga bermain industri kerana itulah antara cadangan Menteri Pertanian ialah membawa telur daripada luar daripada Tamil Nadu tak silap daripada India, jadi itu sebahagian yang mereka katakan usaha untuk memecah monopoli bermain-permain industri ladang penelur ini.

Jadi barangkali sekiranya kita dapat memajukan ternakan ayam penelur ini kalau kontek di Negeri Kelantan di tempat kita sendiri. Cuma masalah berbangkit ialah isu dedak makanan dan dedak makanan ayam penelur ini lebih mahal daripada ayam daging jadi kita sedang berusaha memperbanyakkan ladang-ladang komuniti dengan penternak-

penternak yang sedia ada dengan memberi bantuan pembinaan reban yang lebih besar dan imput-imput yang berkaitan. In Syaa Allah usaha meningkatkan kadar sara diri bagi sumber telur Negeri Kelantan sedang dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Pantai Irama.

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nya soalan tambahan, dalam usaha melaksanakan Dasar Sekuriti Negara, adakah tidak terhalang ataupun, terkesan dengan fenomena cuaca yang tidak menentu atau cuaca luar biasa yang mana kalau kita merujuk kepada nelayan dan juga petani di kawasan di kampung-kampung dengan cuaca tidak menentu ini yang luar biasa ini, memberi kesan kepada mereka.

Hujan yang berpanjangan dan juga kalau ke laut, laut yang sentiasa bergelora dan kita dapati bahawa daripada Oktober sehingga sekarang ini masih lagi nelayan-nelayan tidak dapat ke laut.

Jadi soalan kedua pula, sejauh mana pihak Kerajaan dalam usaha memahami keadaan ini dalam usaha untuk membantu petani-petani yang terlibat dalam, dalam kerosakkan tanaman kerana banjir. Dan yang kedua nelayan-nelayan yang tidak boleh turun ke laut dalam tempoh yang sangat panjang dan juga nelayan terlibat dalam kemalangan sepanjang tempoh-tempoh yang bergelora ini. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Exco boleh jawab sebab soalan ni lain tadi kita masalah telur, kalau exco nk jawab, silakan.

YB HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Pantai Irama. Jadi sebenarnya pihak jabatan telah berusaha sedaya upaya mengeluarkan kalendar pertanian supaya para petani boleh mengikuti jadual-jadual penanaman mengikut yang dicadangkan, supaya tidak berlaku lambakkan dan juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kerosakan akibat *climate change* perubahan cuaca yang berlaku, In Syaa Allah usaha-usaha yang mantap dilaksanakan oleh pihak yang berautoriti ini dengan mengambil pandangan daripada

jabatan-jabatan yang berkaitan dapat membantu mengurangkan kerosakkan-kerosakkan hasil-hasil pertanian.

Dan bantuan-bantuan kepada para petani, penternak ladang, nelayan yang menghadapi masalah kerosakkan hasil akibat bencana banjir baru-baru ini kita sedang dalam proses kita telah mengangkat kepada Kementerian Pertanian dan keterjaminan makanan yang dibawahnya ada Bantuan Bencana Pertanian dan sebahagian daripadanya sedang di agihkan kepada para petani yang telah memohon dan menghantar laporan melalui jabatan-jabatan, semua ada. Sama ada bidang pertanian, peternakan dan juga bantuan kepada para nelayan, dimana dalam hujung tahun lepas Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan sebanyak RM 500,000.00 bantuan kepada bahagian perikanan darat dan nelayan untuk membantu mereka yang mengatasi masalah kurang hasil tangkapan kerana laut bergelora dan sebagainya, kita dalam proses memberi bantuan kepada mereka-mereka yang memohon. Sekian Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN AZHAR B SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tok berani nok pantun takut saloh pulok. Main bola sapa peluh, mohon jawapan soalan saya nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, adakah diberikan geran tahunan ataupun peruntukan khusus kepada Majlis Daerah Machang bagi menguruskan Kolam Air Panas Tok Bok dan adakah kerajaan berpuashati dengan sambutan yang diberikan pada masa ini.]

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Boleh diterima la.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong. Bertuahlah Pulai Chondong kerana Kolam Air Panas Tok Bok ni berada di Pulai Chondong dan Kerajaan sedia menimbang apa-apa peruntukan yang diperlukan berdasar kepada permintaan untuk menambahbaik terutama kemudahan asas struktur fasiliti bagi keselesaan para pengunjung atau pelancong.

Dalam aspek puas hati setakat ini Alhamdulillah dan terima kasih kepada petugas-petugas Majlis Daerah Machang yang telah menguruskannya, izinkan saya sedikit membaca tentang data-data pengunjung. Pertama mulai September kita buka ada lebih kurang 10,832 pengunjung termasuk lelaki dan wanita, bulan Oktober 2022, 6831 orang, November 2022 seramai 3295, Disember 2022, 1609. Jumlah pada 2022 ialah 22 567.

Manakala, Januari 2023 5378, Februari 2023 6427, Mac 2023 4148 jumlah 15 953. Jumlah semua sekali pengunjung di Kolam Air Panas bulan September sehingga Mac 2023 ialah 38 523 orang. Dan jumlah hasil kutipan kita termasuk kolam termasuk penginapan chalet dan jumlah kutipan sewaan kiosk dan sebagainya pada 2022, RM 96 898.

Januari, Februari dan Mac 2023 RM 89 607 dan jumlah semua sekalinya ialah RM 186 505. Jadi dengan adanya angka-angka ini setakat ini Kerajaan berpuas hati kerana kerjasama daripada Majlis Daerah Machang. Walaubagaimanapun, masih lagi ada benda-benda yang perlu ditingkat, ditambahbaik. Terima kasih daun keladi jika perlu mohon lagi In Syaa Allah akan diberi cuma laksanakanlah dengan teliti. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pulai Chondong

YB TUAN AZHAR B SALLEH :

Soalan tambahan, pertama saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan cuma saya cadangkan kalau ada dalam perancangan supaya penambahbaikan kepada kolam. Adakah perancangan untuk membina splash rasanya kalau ada splash tempat mandi kanak-kanak boleh

menarik lebih ramai lagi pengguna untuk datang ke Kolam Air Panas, sekian terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Dato' Speaker memanglah menjadi satu impianlah kerajaan bagi yang terbaik untuk rakyatnya, kita ada kolam air panas lah nak kolam air sejuk pula. Tapi lagumanapun In Syaa Allah kita akan mempertimbangkan kerana splash ini kalau ibu bapa pergi di kolam air panas kanak-kanak ataupun yang lain boleh menggunakan splash tersebut. Air sungai mudik ke Kuala Suasa, laut menanti penuh mesra sementara mempunyai sedikit kuasa, kita buatlah yang terbaik untuk rakyat kita Alhamdulillah.

DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Manek Urai, Kuala Balah takdok.

YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 12.

Soalan 12 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina semula jambatan Kg Temalir yang rosak akibat banjir.]

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya terima kasih Yang Berhormat Manek Urai. Berkaitan dengan cadangan membina semula Jambatan Kampung Temalir yang rosak akibat banjir Kerajaan Negeri melalui unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan telah pun mengangkat permohonan ini dalam Program Rancangan Malaysia yang ke 12 mengikut plan 3 dan juga plan 4 dan sedang menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Kementerian Kemajuan Desa Wilayah In Syaa Allah kita sama sama berdoalah supaya permohonan ini diluluskan dengan secepat mungkin, In Syaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Jelawat.

YB TUAN HJ ABDUL AZZIZ B KADIR :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan kepada soalan Manek Urai. Saya nak tarik perhatian kepada jambatan ni, jambatan ni kalau kita kira jambatan Manek Urai ni jambatan yang di tenggelami oleh banjir. Selain daripada itu, ada jambatan-jambatan yang perlu dibaiki lagi terutamanya jambatan sempit di Negeri Kelantan. Adakah Kerajaan telah ada mempunyai senarai seluruh Kelantan ini jambatan-jambatan sempit yang perlu di baik pulih dan diperbesarkan?

Yang keduanya dalam senarai tersebut mungkin senarai yang berhubung dengan jambatan sempit ini termasuklah jambatan Bukit Temalung di Gunung yang difahamkan pada tahun 1921 dulu semasa pembentangan pembangunan oleh (JPP) Jabatan Pembangunan Persekutuan di Jajahan Bachok ada di sebuah jambatan Bukit Temalung ini termasuk di dalam yang akan dibina baru. Jadi mintalah pihak Exco ini tanya khabar supaya jambatan tersebut dapat dilaksanakan, ... sangat kritikal.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih kepada Jelawat In Syaa Allah saya akan beri secara bertulis nanti bila saya dapat maklumat daripada pihak berkenaan dan In Syaa Allah jambatan yang Berhormat sebut tadi kita akan ambil tindakan sepatutnya In Syaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Tanjong Mas.

YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 13.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan,Perkembangan terkini Terminal Bas Kelantan.]

YB DATO' HJ HANIFA BIN AHMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Tanjong Mas. Soalan mengenai dengan terminal bas. Sekarang kita guna namanya adalah KB Central. Alhamdulillah pada 12 Mac iaitu minggu lepas pada hari Isnin minggu lepas telah dilangsungkan satu Majlis Penyerahan Surat lantikan Pemaju Projek Pembangunan KB Central kepada Syarikat Widad Business Group di sebuah Hotel di Kota Bharu.

Secara asasnya Pembangunan KB Central akan dibangunkan dan akan di integrasi dengan Station ECRL (East Coast Rail Line) Tunjong yang terletak bersebelahan tapak projek. ECRL ni In Syaa Allah akan siap dalam tahun 2027 dan KB Central ini akan siap pada tahun 2026. Cadangan pembangunan projek KB Central Terminal Bas ber Gred A yang melibatkan kawasan 5 ekar akan merangkumi komponen berikut.

Terminal Bas Express, terminal bas henti-henti, station teksi dan E-Hailing, parkir awam, kemudahan awam, hotel, apartment dan komponen-komponen lain iaitu seperti pusat membeli belah, kiosk, kafe dan lain-lain yang berkaitan. Untuk makluman projek ini bernilai lebih kurang, projek ini bernilai KB Central ni RM64 juta dan keseluruhan projek dalam kawasan ini akan bernilai termasuk hotel, apartment, pangsapuri dan perniagaan seperti mana saya sebut tadi adalah sebanyak RM172 juta.

Selepas Penyerahan Surat Pelantikan minggu lepas Malaysia Kelantan sedang dalam proses penyediaan kebenaran merancang projek ini. Apabila kita siap kebenaran merancang ini maka In Syaa Allah kita akan syarikat akan masuk tapak tidak lewat daripada bulan 10 Oktober tahun ini In Syaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Tawang.

YB DATO' HJ HASSAN BIN MAHMOOD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan tambahan, tadi Exco telah menyebut beberapa komponen yang akan dibina. Bagaimana dengan ruangan solat? Maaflah saya nak tegur Kerajaan lepas-lepas dahni Kerajaan walaupun kita “Membangun Bersama Islam” tapi kerajaan dalam merancang itu tidak memberi perhatian kepada ruangan solat termasuklah di Airport.

Jadi saya harap dan nak tanya kerajaan dalam komponen ini ada atau tidak ruangan untuk bina masjid. Kita kadang-kadang malu, kita pergi ke Bangkok lapangan terbang dia ruangan solat tu luas. Dia Budha, kita Islam. Tapi nak sembahyang berjujuk beratur. Jadi saya harap di KB Central ini tidak berlaku macam tu, minta penjelasan daripada pihak Kerajaan.

YB DATO' HJ HANIFA BIN AHMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya ada ruang solat. Kita dirikan surau. Cadangan kita nak dirikan masjid tapi dia berhampiran dengan masjid di Tunjong maka kita cadangkan supaya dirikan surau. Dan surau ini di tengah-tengah kompleks itu. Pelan pun kalua saya Yang Berhormat Tawang nak tengok boleh tengok pelan, ada dengan saya ni. Cuma saya tadi tertinggal komponen tu. Ini *propose development* perancangan *development* yang telah di submit kepada Kerajaan Negeri dan kita terima. Inilah bukunya. Ada di dalamnya ruang solat iaitu madrasah yang di tengah-tengah. Terima kasih.

YB DATO' SPEKAER :

Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih dan juga tahniah lah kepada Kerajaan di atas inisiatif untuk pembinaan KB Central. Soalan tambahan saya sejauh manakah jaminan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan pembangunan KB Central ini dapat siap pada tahun 2026 kerana kegagalan sebelum daripada ini sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, kegagalan kontraktor menyebabkan Terminal Bas Negeri Kelantan sebelum ini tidak dapat dilaksanakan. Jadi adakah pihak kerajaan dapat memberi jaminan bahawa tempoh waktu iaitu pada tahun 2026 KB Central ini akan siap. Terima kasih.

YB DATO' HJ HANIFA BIN AHMAD :

In Sya Allah kita sebagai manusia ni In Sya Allah lah kita cuba sedaya upaya untuk dapat siap dalam akhir tahun 2026. Dan pemilihan syarikat ini adalah mengikut garis panduan yang cukup baik. Kita panggil syarikat-syarikat BOT, *Bill Operate Transfer* dalam 5 syarikat dan kita pilih syarikat terbaik.

Syarikat ini dipilih kerana dalam pemilihan kita pertamanya ialah pengalaman dia. Yang keduanya ialah rekod-rekod dia. Pertamanya rekod kerja-kerja yang telah dibuat. Yang keduanya kewangan dia, kuat atau pun tidak? Berpandu kepada jawatankuasa khusus teknikal jawatan teknikal khusus telah memilih syarikat ini dan kita telah mencadangkan dengan tegas bahawasanya projek ini mesti di siapkan akhir 2026 ini dan jaminan itu di sambut baik di syarikat ini In Sya Allah kita tengok lah. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gual Ipoh.

YB TUAN BAKRI @ MOHD BAKRI B MUSTAPHA :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dato' Speaker mohon soalan saya nombor 14.

Soalan 14 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah persediaan konkrit dari Kerajaan Negeri dalam menghadapi krisis makanan dunia terutamanya kepada golongan miskin.]

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan Gual Ipoh. Kerajaan Negeri Kelantan telah menyediakan satu bajet khas untuk keselamatan makanan ataupun Food Security bagi Bajet 2023 sebanyak RM10 juta dibawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan supaya kita dapat sama-sama memastikan keterjaminan makanan kepada seluruh rakyat Negeri Kelantan dan juga rakyat Malaysia.

Antara strategi dan langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dalam mendepani isu-isu keselamatan makanan, pertama membangunkan penyelidikan pembangunan dan pengkormesialan

produk input pertanian organik di *co-center Kelantan International Organic Resources* di Machang bagi memenuhi keperluan input pertanian organik untuk tanaman yang lebih terjamin dan sihat.

Yang kedua penganjuran dan pelaksanaan Program Komuniti secara berkala memberi pendedahan dan ilmu-ilmu pertanian seperti Program Dapur Hijau, Program Komuniti, bantuan-bantuan baja organik ditingkatkan, pembinaan belia tani Al-falah, Bio Usahawan, OKU Tani dan kita perhebatkan bengkel-bengkel pertanian organik dengan kerjasama jabatan dengan penggunaan teknologi-teknologi moden pertanian.

Yang ketiga Projek Penyelidikan Pembangunan dan Pengkomersialan Produk Bioteknologi Penternakan, Projek Pelestarian Lembu Naim Beef, makmal Bio-Art, penghasilan straw semen beku, baka carole Naim Beef. Bagi memenuhi bekalan straw semen kepada peternak dengan harga yang berpatutan dan mendapat baka yang berkualiti, juga perolehan baka kambing Red Kalahari, arnab pedaging, bangunan industri lebah kelulut dan Projek Makmal Inovasi Kelulut Darul Naim (MIKDAM).

Yang keempat, pembangunan projek *folder* untuk bekalan makanan ternakan haiwan yang mencukupi kepada penternak di Kelantan dengan sasaran mencapai 2300 matrik tan setahun pada tahun 2025. Perancangan dan pembangunan projek *folder* di Jeram Pasu seluas 60 ekar bagi membekalkan makanan ternakan kepada penternak dengan harga yang berpatutan serta menyedia bekalan dalam bentuk yang tahan lama seperti *high* dan *silage*.

Pembangunan Projek Kandang Lestari bagi meningkatkan penjagaan dan penternakan lembu-lembu Hybrid Naim Beef yang melibatkan 7 kandang lestari setiap tahun, bagi memastikan penternak-penternak terpilih boleh menternak lembu yang mengikut kesesuaian tempat dan menjaga kelestarian alam. Di mana sasaran minimal penternak mestilah menternak 5 ekor lembu Naim Beef bagi penternak yang ini memohon kandang-kandang lestari. Dan banyak lagi input-input pertanian peternakan dan juga perikanan disediakan oleh Pihak Kerajaan bagi memastikan keterjaminan makanan bagi rakyat seluruh Negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Gual Ipoh.

YB TUAN BAKRI @ MOHD BAKRI B MUSTAPHA :

Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Dalam situasi dunia hari ini banyak artikel-artikel yang mencatatkan bahawa krisis makanan, krisis di peringkat dunia, peringkat seluruh negara. Persediaan antara negara-negara telah dibuat contohnya di Indonesia buka tanah yang cukup luas untuk pertanian di Kalimantan. Tidak kurang di negara-negara Asean yang lain. Krisis politik di Malaysia saya nampak persediaan terhadap untuk buat persediaan ini terlalu kecil tak terkecuali bagi Negeri Kelantan. Tahu atau tidak kita harga sayur dipasaran berapa sekarang sekilo? Harga ikan Talapia sendiri pun sudah mencecah RM10, harga buah jambu madu Thailand RM14, mata kucing RM18 dan banyak harga melambung naik.

Mungkin krisis ini telah pun bermula. Dalam catatan kita dapati satu pada tahun 2023 bermulanya krisis ini dan bagi saya membuat analisis bahawa sekiranya pendapatan mencapai 2000 hingga 2300 kita tidak mampu untuk survive keluarga kita.

Untuk makluman Dato' Speaker, peringkat di peringkat buruh purata pendapatan mereka ialah RM 70, pendapatan bagi pekerja-pekerja am di kedai-kedai Hardware dan sebagainya dalam lingkungan RM40. Penoreh-penoreh getah pendapatan mereka dalam sekitar RM15 hingga RM 20 sehari. Ertinya keseimbangan pendapatan dengan persediaan pemakanan yang perlu oleh rakyat sesuatu perkara yang paling penting untuk kita nilai balik.

YB DATO' SPEAKER :

Soalan, Yang Berhormat?

YB TUAN BAKRI @ MOHD BAKRI B MUSTAPHA :

Soalan saya, apakah persediaan di peringkat kita di Negeri untuk menghadapi krisis yang besar ini berbanding dengan pendapatan yang terlalu kecil untuk membantu raykat bagi mencapai kesejahteraan keluarga. Terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Gual Ipoh. Ni sebenarnya oleh kerana krisis ini disebut di permulaan tadi krisis

global dan melanda dunia bagi peringkat Malaysia ada 2 Kementerian yang sepatutnya mengambil peranan penting dalam perkara ini.

Kementerian yang bertanggungjawab menghasilkan sumber-sumber makanan dan pertanian ini Kementerian Pertanian dan juga keterjaminan makanan. Kemudian kawalan harganya Kementerian Dalam Negeri. Jadi In Syaa Allah mereka akan merancanglah bagaimana usaha-usaha untuk menjamin sumber makanan cukup kalau sekiranya tak berjaya barangkali kena tukar Kerajaan pula barangkali.

Dan bagi Negeri Kelantan, Negeri Kelantan kita sebenarnya telah menyediakan tapak-tapak pertanian sebagaimana disebutkan dalam sidang yang lalu contohnya, di kawasan Gua Musang kita telah menyediakan satu tanah pertanian dan penternakan sebanyak 1500 ekar di kawasan Gua Musang supaya dapat dibangunkan dengan pertanian dan peternakan. Dan kita telah membuat tawaran dan berbincang dengan ECRDC untuk pembangunan peternakan lembu pedaging di sana dan masih dalam perbincangan yang In Syaa Allah sekiranya tidak ada mana-mana halangan mungkin projek ini patut diteruskan. Dan dia mengambil lebih kurang 800 ekar yang berbaki lagi. Juga kita telah berbincang dengan pelabur-pelabur yang lain untuk memastikan tanah-tanah pertanian yang telah kita sediakan tadi dapat dibangunkan dan kita masih ada di kawasan-kawasan lain *reserve* untuk pertanian dan penternakan. Cuma perlu kepada kos kerana kawasan setengahnya berbukit dan perlu kepada kawasan terlalu lembah untuk kita buat tambun tanah dan sebagainya. Maksudnya Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak-tapak ini di setiap jajahan ada *reserve* untuk ternakan dan juga pertanian. Sekian, terima kasih.

YB DATO, SPEAKAR :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya berhasrat untuk menamatkan sesi soal jawab untuk hari ini untuk kita beralih ke susunan urusan seterusnya, silakan.

VI ... CADANGAN-CADANGAN YANG DIBERITAHU.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Keenam, Cadangan-cadangan Yang Diberitahu.

Cadangan Yang Pertama, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Akan Mencadangkan –

[Cadangan Yang Pertama]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan -

BAHAWA DEWAN INI, MENGIKUT SEKSYEN 6 (2) DARIPADA AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 1966 MELULUSKAN DAN MENGUNTUKKAN MULAI DARIPADA 1 HB JANUARI 2023 ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA BAGI TAHUN 2023 SEBAGAIMANA TERKANDUNG DI DALAM DAN DIBENTANGKAN SEBAGAI KERTAS DEWAN BIL. 01 DAN 02 TAHUN 2023.

Ulasan cadangan.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR:

Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa Dewan ini mengikut seksyen enam (2) daripada Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1,966 meluluskan dan meruntukan mulai daripada 1 Januari 2023 anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan pertama bagi tahun 2023 sepertimana terkandung di dalam dan dibentangkan sebagai kertas bilangan 01 dan 02 tahun 2023,

Yang Berhormat Tuan Speaker, usul ini bertujuan untuk mendapatkan kuasa dari Dewan ini bagi membolehkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM46 100 000 bagi menampung perbelanjaan dibawah maksud Pembangunan P02 Pejabat Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri tahun 2023 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terdahulu pada ini.

Peruntukan tambahan ini merupakan peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Yang Pertama Bagi Tahun 2023 yang telah diterima oleh Perbendaharaan Negeri Kelantan bagi menampung keperluan perbelanjaan dibawah kod projek P02/02109. Pengambilan balik tanah untuk Projek Negeri berjumlah RM46 100 000 yang tidak dapat di elakkan. Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan mustahak setelah diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan mengikut Seksyen (9) Akta Pembangunan 1996.

Demikian dibentangkan Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 untuk kelulusan Dewan. Terima kasih.

YB DATO' HJ MOHD AMAR B NIK ABDULLAH : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 6 (2) daripada Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 meluluskan dan menguntukkan mulai daripada 1 hb Januari 2023 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama bagi Tahun 2023 sebagaimana terkandung di dalam dan dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bil. 01 dan 02 Tahun 2023.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi **Perbahasan**.

**[JIKA ADA PERBAHASAN]
[PENGKULUNGAN DARI PIHAK KERAJAAN]**

YB DATO' SPEAKER :

Oleh kerana tidak ada, Ok Kok Lanas.

YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI B CHE AHMAD :

Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya sebenarnya tak banyak pun nak cakap tapi saya tengok pertambahan tambahan bajet ini adalah sangat penting disebut tadi adalah mengenai pengambilan balik tanah.

Dan soalan saya yang pertama di dalam Dewan hari ni pun mengenai pelan acquisition dengan izin atau pengambilan balik tanah. Apa yang saya nak sebutkan di sini ialah terdapat persepsi, persepsi besar di peringkat Persekutuan yang ingin menyalahkan Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan Projek-projek Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kerana pengambilan tanah ini lambat dilaksanakan. Sekarang kita tahu bahawa kelambatan itu sebahagian besarnya adalah kerana ketidak cukupan wang, tetapi kita diberitahu bahawa pengambilan tanah itu tidak dapat dilaksanakan kerana ketidak cekapan PTG yang tidak dapat *synchronize* dengan pejabat-pejabat tanah.

Saya bagai contoh dalam kawasan saya ada CSR Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai yang sudah lama diluluskan tetapi proses pengambilan tanah sampai sekarang projek daripada Soko ke Berangan Mek Nab pengambilan tanah *land acquisition* masih belum dapat dibuat sehingga kontraktor terpaksa berjumpa dengan tuan-tuan tanah memohon kebenaran untuk lalu. Bila kita semak katanya duit sudah diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Banyak tuan-tuan tanah sebab dia kawasan saya datang jumpa saya, saya kata saya tak boleh buat apa benda macam ni. Bila timbul pula masalah KPTG tak mahu lepas kepada Pejabat Tanah.

So this is where the masalah yang timbul. Begitu juga dengan Projek CSR banyak pakej daripada Kuala Krai ke Gua Musang. Ada banyak 4, 5 pakej.

Saya bertemu dengan salah seorang daripada kontraktor, dia tahu dia tanya saya sebab saya Juruukur. Dia kata ada 135 lot yang perlu diambil balik tetapi yang selesai untuk pengambilan hanya 35 lot, 100 lot lagi tak selesai. Saya kata kenapa? Ini yang dia tak faham dia kata. Adakah tak ada duit? Adakah *slow* dalam segi proses? Bila saya tanya beberapa Juruukur yang terlibat, dia kata kita pun tak boleh nak selesaikan masalah. Jadi bila saya tengok bahawasanya hari ini kita ada memperuntukan peruntukan tambahan untuk mengambil, membayar dan saya rasa ia satu perkara yang baik dan bagus. Sebab kita kena selesaikan, jangan orang tuduh kita bahawasanya kita lambat, orang nak buat pembangunan tapi kita lambat.

Ini juga terkesan dengan kawasan saya sendiri, kampung saya. Saya banyak kali ini kali yang keempat saya bercakap mengenai pengambilan balik tanah Sekolah Arab Ittihadiyah Tanjung Pagar. Saya diberitahu Exco telah bersetuju untuk mengambil balik tetapi sekali lagi duit tak ada, tak cukup. Macam mana nak bayar kalau duit tak ada. Sedangkan sekolah itu sangat memerlukan kawasan yang luas. Kawasan yang tuan tanah sanggup jual. Kami orang kampung termasuk saya dah beli tapi ada sikit lagi portion yang dia tak mahu jual. *So* kerajaan telah buat keputusan untuk ambil balik. *So* saya harap, harapan saya bila duit ni dah ada segeralah ambil supaya Sekolah Arab Ittihadiyah ini akan dapat kawasan yang luas demi kepentingan masyarakat setempat, saya mohon menyokong cadangan ini, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih. Ada lagi? Kalau tidak ada saya persilakan pihak kerajaan untuk membuat pengolongan. Sila Yang Amat Berhormat.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kok Lanas yang telah bersama mengambil bahagian dalam peruntukan tambahan pembangunan sebanyak RM46 100 000. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kok Lanas, pengambilan tanah kalau yang berasas kepada awam 3A bawah Seksyen (3)A dia tidak banyak karenah. Dimana bagi saya sentiasa sampai sahaja di meja saya terus hari yang pertama juga saya *sign* untuk buat kelulusan.

Yang keduanya ialah peruntukan yang kita peruntukan tambahan hari ni untuk projek-projek kerajaan negeri. Adapun terpaksa kita lihat di mana dia punya sangkutnya. Sebab apabila sampai sahaja di meja saya terus terutama pengambilan tanah bagi projek-projek seperti CSR dan juga mana -mana projek untuk awam, kita segerakan supaya tidak tertunggak jadi. Terima kasih sekali lagi atas prihatin Yang Berhormat apa ni Kok Lanas, semoga yang tapak sekolah kita dah lulus lama dah. In Syaa Allah mungkin ada kita akan buat pengambilan segera untuk munafaat awam.

Terima kasih dan saya ucap terima kasih semua kepada yang mengambil bahagian kepada semua. Mungkin ini adalah untuk Dewan terakhir untuk kita, mungkin bukan lagi. Ini adalah terakhir bagi kita untuk Dewan ini untuk penggal ini sebab tempoh hayat kita hingga 28 Jun Dewan ini sekiranya tidak bubar ia akan bubar dengan sendiri.

YB DATO' SPEAKAR :

Esok ada lagi Yang Amat Berhormat

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR:

Esok ada lagi ... sebab esok takut takdok peluang esok. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih. Sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

"AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU"
"AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK"

Dipersetujukan..

Cadangan Yang Pertama diterima dan diluluskan.

HARI PERTAMA 20 MAC 2023

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan dan Dewan akan bersidang semula besok 21 Mac 2023, jam 9.00 pagi. Dengan ini Dewan ditangguhkan dengan tasbih kafarah dan Suratul Asr.

Dewan ditangguhkan.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.45 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK PAGI 21 MAC 2023, JAM
9.00 PAGI.**

HARI KEDUA 21 MAC 2023

**PERSIDANGAN KALI KEEMPAT
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KELIMA
DEWAN NEGERI KELANTAN KEEMPATBELAS**

=====

[28 SYAABAN 1444H / 21HB MAC 2023]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' HJ ABDULLAH B HJ YA'KUB <i>D.J.M.K.,J.P.</i>	(SPEAKER)
2.	YAB USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB (DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.P.,S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan Kewangan)	PASIR PEKAN
3.	YB DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH (TIMBALAN MENTERI BESAR) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Pembangunan Wilayah, Kesejahteraan Rakyat dan Integriti)	PANCHOR
4.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Teknologi Maklumat)	TEMANGAN
5.	YB DATO' HJ NASSURUDDIN B HJ DAUD (DATO' PANGLIMA PERANG) <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta)	MERANTI

HARI KEDUA 21 MAC 2023

- | | |
|--|-----------------------------------|
| <p>6. YB DATO' HJ HANIFA B AHMAD
 <i>D.J.M.K.,A.M.N.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan)</p> | <p>PENGGALAN
PASIR</p> |
| <p>7. YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN
 <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan)</p> | <p>KEMAHANG</p> |
| <p>8. YB DATO' HJH. MUMTAZ BT MD NAWI
 <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita)</p> | <p>DEMIT</p> |
| <p>9. YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL
 <i>J.M.K.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar)</p> | <p>SELISING</p> |
| <p>10. YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN
 <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan)</p> | <p>KIJANG</p> |
| <p>11. YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR
 <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Utiliti)</p> | <p>KADOK</p> |
| <p>12. YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT
 <i>J.M.K., A.S.K.</i>
 (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO)</p> | <p>PENGGALAN
KUBOR</p> |
| <p>13. YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD (TIMBALAN SPEAKER)
 <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i></p> | <p>BUKIT PANAU</p> |
| <p>14. YB DATO' HJ HASSAN B MAHMOOD
 <i>D.J.M.K.,J.M.K.,S.M.K.,</i></p> | <p>TAWANG</p> |

HARI KEDUA 21 MAC 2023

15.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K.,S.M.K.</i>	TANJONG MAS
16.	YB DATO' DR. RAMLI B MAMAT <i>D.J.M.K.</i>	BUNUT PAYONG
17.	YB DATO' HJ MOHAMAD B AWANG <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	GUAL PERIOK
18.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
19.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI
20.	YB TUAN HJ ABDUL AZZIZ B KADIR <i>J.M.K.</i>	JELAWAT
21.	YB TUAN ABDUL RASUL B MOHAMED <i>J.M.K.</i>	APAM PUTRA
22.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
23.	YB TUAN MOHD NAZLAN B MOHAMED HASBULLAH <i>J.M.K.</i>	LIMBONGAN
24.	YB TUAN MOHD ROSELI B ISMAIL <i>J.M.K.</i>	KEMUNING
25.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K.</i>	TENDONG
26.	YB TUAN AHMAD FATHAN B MAHMOD @ MAHAMAD <i>J.M.K.</i>	CHEMPAKA
27.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
28.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
29.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK

HARI KEDUA 21 MAC 2023

30.	YB TUAN MUHAMMAD B MAT SULAIMAN	MENGKEBANG
31.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
32.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH	GUCHIL
33.	YB TUAN WAN HASSAN B WAN IBRAHIM <i>J.M.K.</i>	SEMERAK
34.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
35.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
36.	YB DATUK SERI SR. HJ MD ALWI B CHE AHMAD <i>S.M.W.,P.G.D.K.,J.S.M.,A.M.N.,FISM</i>	KOK LANAS
37.	YB DATO' SRI MUSTAPA B MOHAMED <i>S.J.M.K.,S.S.A.P.,S.I.M.P.,D.P.M.S.</i>	AYER LANAS
38.	YB TUAN BAKRI @ MOHD BAKRI B MUSTAPHA <i>K.M.N.,S.M.K.,</i>	GUAL IPOH
39.	YB TUAN ABDUL AZIZ YUSOFF <i>P.P.N.,K.M.N.,S.M.K.,A.K.</i>	NENGGIRI
40.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS
41.	YB TUAN HJ AMRAN B ARIFFIN	PALOH

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | |
|----|--|--------------------|
| 1. | YB DATO' HJ ANUAR TAN B ABDULLAH
<i>D.J.M.K.,J.P.</i> | KOTA LAMA |
| 2. | YB TUAN SAIFUL ADLI B ABU BAKAR
<i>J.M.K.</i> | SALOR |
| 3. | YB DATUK HJ AB AZIZ B HJ DERASHID
<i>P.G.D.K.,S.M.K.,J.P.</i> | KUALA BALAH |
| 4. | YB DATO' MOHD ADHAN B KECHIK
<i>D.J.M.K.,S.M.K.</i> | BUKIT BUNGA |
| 5. | YB DR. MD YUSNAN B YUSOF

(KEKOSONGAN KERUSI ADUN MELOR
SETELAH PENYANDANG ALLAHYARHAM
DR. HJ MD YUSNAN BIN YUSOF
MENINGGAL DUNIA PADA 1HB OGOS 2021) | MELOR |

HARI KEDUA 21 MAC 2023

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YB DATO' HAJI NORAZMAN BIN AB. GHANI
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

TIDAK HADIR :

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K.,B.S.K.

HARI KEDUA 21 MAC 2023

**PERSIDANGAN KALI KEEMPAT
BAGI TEMPOH PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KEEMPATBELAS TAHUN 2023
PADA 27 DAN 28 SYAABAN 1444H
[20HB DAN 21HB MAC 2023/
ISNIN DAN SELASA]**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Keempat Bagi Tempoh Penggal Kelima, Dewan Negeri Kelantan Keempatbelas, **HARI KEDUA**

الفاتحه

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa...

[Sambil Berdiri]

II ... UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Ucapan Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima surat permohonan untuk tidak menghadiri Persidangan pada hari ini dari 2 Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Salor dan juga Yang Berhormat Kota Lama. Dengan ini saya meluluskan permohonan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat semua selepas kita menamatkan Persidangan pada hari ini saya menjemput semua Ahli Yang Berhormat bersama pasangan untuk bergambar. Group photo last, ... saya juga menjemput semua Ahli Yang Berhormat ke jamuan sempena ambang Ramadan dan Persidangan terakhir bagi Penggal ini. Kalau ada rezeki kita jumpa lagi Insha Allah.

Sila...

III - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, soalan-soalan yang diberitahu. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut**.

YB DATO' SPEAKER :

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Bunga.

YB AMRAN BIN ARIFFIN :[MEWAKILI YB BUKIT BUNGA]

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Pohon jawapan Bukit Bunga soalan nombor 1.

Soalan 1 :

[Nyatakan adakah terdapat perbezaan hubungan Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan selepas PRU ke 15 yang lalu.]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

بسم الله الرحمن الرحيم ..،

Yang Berhormat Dato' Speaker, hubungan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan masih berjalan dengan baik. Ini terbukti apabila beberapa program bersama telah kita laksanakan. Antaranya yang awal-awal lagi kita bersama dengan Yang Amat Berhormat PM dan juga

TPM meninjau dan juga menziarahi PPS banjir sama ada di Rantau Panjang dan pun di Pasir Puteh pada awal tahun baru-baru ini. Terakhir kita adakan satu Pengerusi bersama dalam mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Khas MTPN dengan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga perubahan iklim. Yang terakhir sekali baru-baru ini pada 19hb kita adakan perasmian bersama Pasar Tok Kenali di Binjai dengan Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan lain-lain tu berjalan seperti biasa antara pegawai-pegawai Persekutuan dengan Pegawai-Pegawai Negeri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan dan kebaikan untuk rakyat.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kok Lanas....

YB DATUK HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Terima kasih Dato' Speaker, saya nak ucap penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan kerana mempunyai sikap yang sedemikian. Saya ingat dalam ucapan bajet kita tahun lepas pesanan saya dan harapan saya pun begitu kerana hubungan baik antara kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat adalah sangat penting walaupun kita punyai fahaman politik dan dasar politik yang berbeza. Sebelum soalan tambahan, ada sikit nak tambah. Saya teringat zaman Allahyarham Tan Sri Asri menjadi Menteri Besar saya masa tu kecik, tahun 60-an. Selalu tengok Allahyarham Tan Sri Asri rapat dengan Tungku Abdul Rahman, rapat dengan Tun Abdul Razak walaupun parti berbeza. Malah pada masa tu pertikaian politik jauh lebih hebat daripada sekarang pada masa itu. Tetapi Allahyarham Tun Razak dan Tan Sri Asri adalah merupakan sahabat baik walaupun partinya yang berbeza.

Soalan tambahan saya, ialah saya mengikut Perbahasan Perlimen di antara Ahli Parlimen Tumpat dengan PM X atau PM-10 yang claim dalam ucapan dia bahawa dia telah beri peruntukkan yang banyak kepada Kelantan. Saya sebenarnya sedang mencari fakta tersebut. Jadi soalan tambahan saya adakah benar dakwaan Perdana Menteri itu memberi peruntukkan yang lebih daripada dulu ataupun ianya hanya retorik biasa seorang Ahli Politik?

Terima kasih.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada sahabat saya daripada Kok Lanas, apa yang kita maklumi dan kebiasaannya yang kita terima sejak daripada mana-mana pentadbiran Perdana Menteri selama ini pun ada beberapa yang tertentulah seperti pemberian berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, pemberian mengikut kepala itu memang kita terima setakat ni pun begitu tidak ada perubahan. Pemberian di bawah undang-undang serta peraturan kewangan yang lain wang ihsan dan sebagainya tapi setakat ni kita tidak ada satu *calculate* yang terbaru ni lebih atau kurang kita sedang meneliti lagi hari ni setakat hari ini. Cuma yang pasti terima ialah yang RM50 juta yang diisytihar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu banjir baru nih dan telah pun kita terima melalui JPP, Insha Allah jawapan nya akan ada nanti.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ayer lanas.

YB DATO' HJ MUSTAPA BIN MOHAMED :

بسم الله الرحمن الرحيم ..،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan atas jawapan tadi. Sebelum saya teruskan dengan soalan tambahan saya ingin membuat satu cadangan oleh kerana hari ini hari terakhir, saya mohon pertimbangan Dato' Speaker, supaya kita selesaikan semua soalan 19 soalan itu bergantung kepada Dato' Speaker lah, kerana hari terakhir ni takut tak puas nak "kecek" itu untuk pertimbangan.

Soalan tambahan saya, saya menyusul Kok Lanas tadi yang pertamanya kita ucap tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan tadi dan terkini seperti yang disebutkan tadi lawatan 2 program iaitu pembukaan Pasar Tok Kenali dan juga penyerahan kunci untuk Rumah Kos Rendah di mana Menteri Kerajaan Tempatan akan memberi perhatian. Satu kenyataan yang menyejukkanlah dan kenyataan di Parlimen daripada Perdana Menteri dan Menteri-Menteri

lain menyatakan bahawa Kelantan menerima RM 350 juta peruntukkan tambahan. Peruntukkan ni banyaklah dan yang kita bincangkan ini mungkin peruntukkan pembangunan. Peruntukkan pembangunan ni ada 2, sambung. Sambung ni kena buatlah yang retok, sekolah dalam pembinaan. Yang kedua, baru. Biasanya dalam pengalaman saya biasa seminggu selepas bajet dibentangkan senarai itu akan diserahkan kepada pejabat SUK maka Kerajaan Negeri sudah pasti sudah pun mengetahui sama ada benar ataupun tidak kenyataan bahawa ada peruntukkan tambahan RM 350 juta kalau itu benar maka kita ucap terima kasih.

Dan seterusnya saya nak tanya sama ada peruntukkan satu, nak buat ni satu masalah lantikan kontraktor kelmarin kita bincang pasal tanah. Jadi dulu saya bersama Yang Berhormat Kadok EXCO Infra seminggu sekali bersama dengan Pengarah JKR Negeri kita ada saya bermesyuarat untuk pantau lapangan terbang, projek guna sama di Tunjong, projek lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai *central spine*. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menghidupkan semula jawatankuasa tersebut kerana kita dapati Kadok boleh mengesahkan Yang Berhormat EXCO boleh mengesahkan bahawa proses telah banyak membantu untuk merencanakan dan mempercepatkan umpamanya lapangan terbang kita sebagai contohlah.

Jadi soalan kita yang pertama sama ada Kerajaan bercadang untuk mendapatkan kepastian kenyataan di Parlimen lebih RM350 juta tambahan. Tambahan daripada tahun ataupun.... Tambahan ni 2 maksud, pertama yang bajet. Pertama yang dibentangkan pada 7 Oktober tahun lepas untuk tahun ini yang kedua dibentangkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Kewangan. Jadi peruntukkan tambahan itu maksudnya tambahan berbanding dengan 2022 ataupun berbanding dengan bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 7 Oktober yang lalu. Jadi kepastian sama ada Kerajaan Negeri sudah pun mendapat senarai projek terperinci, yang kedua sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk menghidupkan semula Jawatankuasa untuk pantau peruntukkan satu tapi yang penting sekali ialah kadang-kadang lambat macam umpamanya fasa 2b Lebuhraya nih yang sohorlah, Pengarah JKR sapa lani tak tahu hala tuju lagi sebagai contohlah.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, panjang sikit. Jadi saya mohon pertimbangan Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ni kita selesai belaka 19 soalan kerana hari ini hari terakhir.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Ayer Lanas. Yang telah mengemukakan beberapa persoalan berhubung dengan Jawatankuasa Penyeliaan ataupun Jawatankuasa Pemantauan itu khusus kepada Kerjaraya dan sebagainya saya minta supaya dapat di perhalusi semula oleh Yang Berhormat EXCO Kerjarayalah. Dan kita memang mustahak benda ni untuk membuat pemantauan terhadap program-program yang telah pun diluluskan seperti jambatan Palekbang di bawah ECER kita sudah mendapat makluman bahawa kemungkinan harganya sudah meningkat kepada lebih RM51 juta oleh kerana masa. Insha Allah benda-benda ni akan mendapat perhatian kita dalam pemantauan nanti. Yang seterusnya ialah berhubung dengan apa ni tadi panjang sangat benda tu... peruntukkan RM350 juta. Setakat ini masih belum lagi sampai kepada Majlis Mesyuarat Negeri tentang sama ada bajet yang ditambah itu daripada pentadbiran sebelum ini ataupun semasa kita belum mendapat secara terperinci. Walaubagaimanapun Insha Allah pihak Bendahari akan kemukakan nanti secara terperinci butiran kewangan-kewangan yang telahpun sampai kepada Kerajaan Negeri. Saya minta notis dulu, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Galas.

YB MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Saya pohon jawapan soalan nombor 2.

Soalan 2 :

[Nyatakan apakah wujud kawasan penempatan baru yang dicadangkan oleh PTJ Gua Musang dan PTJ Kecil Lojing setelah mengenalpasti mana-mana baki tanah Kerajaan, adakah berlaku penyusunan penempatan kampung tradisional yang serba /kekurangan.]

YB DATO' MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Galas Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang telah menyediakan beberapa cadangan kawasan untuk menyusun penempatan semula bagi mereka yang terlibat di Gua Musang antaranya ialah penempatan di Kampung Tanah Puteh mukim Bandar Gua Musang dan juga mukim Pulau yang melibatkan kawasan seluas 181.710 hektar iaitu dengan di Bandar Gua Musang. Yang kedua, di Sungai Kepal Mukim Bandar Daerah Galas Gua Musang yang terdiri daripada 2 blok kawasan iaitu kawasan yang pertama seluas 24.2348 hektar dan kawasan yang kedua ialah seluas 98.25 hektar dan yang ketiga ialah kawasan di sekitar jalan industri seluas 14.294 hektar mukim Bandar Gua Musang yang diwujudkan untuk menyelesaikan masalah penempatan haram, penduduk miskin dan asnaf yang memerlukan menempatkan segera bagi lot-lot kediaman. Bagi kawasan jajahan kecil Lojing ada 2 kawasan yang dikenalpasti untuk penempatan semula ni iaitu yang pertama ialah di Mukim Sigal seluas 15 ekar dan di Mukim Belau seluas 27.2 ekar.

Perancangan juga dibuat untuk diambil kira penempatan semula kampung-kampung tradisional yang berada di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, galas.

YB MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Timbalan Menteri Besar atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya lama manakah tempoh yang dijangkakan oleh pihak Kerajaan untuk kita menyelesaikan isu setinggian di kawasan Galas terutamanya kerana isu ini berlarutan sejak daripada tahun 80-an lagi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan di

atas peruntukan untuk menyediakan tanah Kerajaan untuk dijadikan kawasan perumahan untuk mereka ini. Cuma soalan saya bilakah projek-projek rakyat dapat kita segerakan untuk diberikan kepada setinggan.

YB DATO' HJ MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Pihak Kerajaan telah berusaha secepat yang mungkin cuma ada beberapa isu teknikal antaranya bila kita kenal pasti kawasan kita kena ukur untuk menentukan kawasan dan pecahan-pecahan lot itu satu isu. Kemudian antara isu lain yang kita hadapinya ialah sebahagian mereka yang terlibat ini enggan berpindah. Ada macam-macam alasan untuk mereka ni tidak berpindah antara isu-isu teknikal yang dihadapi oleh pihak berkuasa yang kita akan cuba selesaikan.

YB DATO' SPEAKER :

Paloh..

YB AMRAN BIN ARIFIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

Berkenaan dengan kampung tradisional ini kita terdapat lagi satu isu yang mana ada penempatan kampung yang lengkap infrastrukturnya tetapi dari segi pengiktirafannya masih lagi berada dalam hutan simpan kekal. Contoh di kampung Kala dalam DUN YB Abd Aziz di Nenggiri. Jadi soalnya, apakah usaha-usaha yang patut kita buat yang mana sepatutnya kita buat yang infrastrukturnya ada sekolah ada, surau ada dewan. Jadi kita kena adakan usaha keluarkan kampung-kampung ini daripada hutan simpan kekal. Jadi persoalannya bagaimanakah usaha yang patut kita buat dan disegerakan bagi membolehkan penduduk kampung dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang lain.

YB DATO' MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tu ada dalam makluman dan perhatian Kerajaan dan saya baru-baru ni hasil daripada lawatan saya ke Gua Musang saya telah mencadangkan supaya pihak JHET mengangkat perkara ni dalam mesyuarat mereka dan berbincang dengan Pejabat Tanah dan Jajahan bagaimana usaha yang perlu kita buat antara yang boleh kita cadangkan dan kampung dan ke kawasan

hutan simpan ataupun kalau kita nak dikeluarkan kita boleh beri permit kebenaran sebagaimana yang kita berikan kepada Pondok Kenerong di Gua Musang itu yang tidak dikeluarkan daripada hutan simpan tetapi diberikan permit kebenaran oleh pihak Perhutanan Negeri.

YB DATO' SPEAKER :

Kemuning...

YB HJ MOHD ROSELI BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada Kemuning untuk soalan tambahan selepas beberapa kali bangun. Jadi merujuk beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Galas berhubung dengan penempatan-penempatan baru Orang Asli saya mengambil kesempatan terlebih dahulu untuk mengucapkan tahniah terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin dan cakna terhadap Orang-Orang Asli. Jadi persoalan saya di sini soalan tambahan saya nya ialah apakah Kerajaan sudah ada perancangan untuk membangun mengadakan penempatan-penempatan baru ini untuk membentuk satu kawasan yang berkonsepkan Desa Taqwa ataupun mewujudkan sekolah-sekolah agama supaya orang-orang asli ini dapat diberi dakwah islamiah ataupun pengajaran islam dengan lebih baik lagi. Supaya mereka dapat mempertahankan akidah akhlak islamiah, dan sebagainya. Adakah sudah ada perancangannya, sekian terima kasih.

YB DATO' MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa ada kesilapan soalan tambahan. Kita bincang tentang penempatan semula orang yang bukan asli. Orang asli tak ada dalam ini. Ada pun tentang orang asli ni untuk pembangunan mereka sebenarnya pihak JKHOA ada perancangan-perancangan dan kita sendiri di peringkat Negeri kita bersetuju untuk mewujudkan satu pusat latihan dakwah di Lojing yang telah pun pada dasarnya bersetuju dan konsep pembangunan pun telah diterima oleh pihak Kerajaan Negeri cuma menunggu masa untuk dilaksanakan. Jadi ini antara usaha kita untuk mendidik orang-orang asli yang memeluk

agama Islam ini supaya mereka lebih faham tentang agama dan boleh mengamalkan dalam kehidupan mereka.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Guchil.

YB MOHD HILMI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ..،
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Bersongkok hitam terlihat gagah,
MB Kelantan kesayangan kita,
Hari terakhir bukannya berpisah,
Soalan saya bernombor tiga.*

Terima kasih.

YB DATO' HJ MOHD HANIFA BIN AHMAD :

Tak berapa kena Dato' Speaker hujung tuh, [sambil tergelak] tapi pada tak sedia jawapan pelah.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Guchil bagi tahun 2023 Kerajaan Negeri Kelantan memfokus kepada pembangunan sektor perindustrian di Tok Bali Pasir Puteh terutama dalam sektor oil & gas. Dan juga sepertimana saya sebutkan semalam kita juga fokus kepada Industri IBS di Labok sedang dalam pembinaan Labok Machang dan juga kita memberi fokus kepada Bandar perabut di Gua Musang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah selesai melaksanakan urusan Pengambilan Balik Tanah Fasa 1 bagi kawasan Perindustrian Tok Bali. Sekarang ni Kerajaan Negeri telah mengangkat permohonan melalui Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk meneruskan lagi Pengambilan Balik Tanah Fasa 2 seluas 100 ekar lagi di Tok Bali.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang di dalam proses menyiapkan kerja-kerja pembinaan infrastruktur asas di Bandar Perabut Gua Musang dan Kerajaan telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM3.3 juta untuk pembinaan asas jalan masuk ke projek Bandar Gua Musang yang seluas 350 ekar.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Guchil....

YB HJ MOHD HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih jawapan daripada pihak Kerajaan. Tahniah kepada masyarakat di Gua Musang yang mendapat Bandar Perabut, masyarakat di Machang mendapat industri IBS dan juga di Tok Bali jajahan untuk diwujudkan sebuah pelabuhan dan bandar perikanan. Di Kuala Krai untuk makluman Yang Berhormat kita ada satu kawasan industri iaitu kawasan industri Staponal yang mana kawasan ini amat sesuai untuk satu kawasan industri belum dapat lagi dibangunkan sehingga sekarang. Jadi saya ingin bertanya sekiranya pihak Kerajaan ada merancang untuk membangunkan semula kawasan Staponal dan kawasan sekitarnya yang mana sekarang ni zon industri yang mana jika dibuat satu industri yang sesuai untuk kawasan tersebut akan memberikan impak yang besar kepada masyarakat Kuala Krai khasnya untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Terima kasih.

YB DATO' HJ MOHD HANIFA BIN AHMAD :

Terima kasih soalan tambahan Guchil. Memang Staponal kita ada juga rancangan untuk memperbaiki sebabnya infra Staponal itu tidak berapa baik itulah dan kita bercadang untuk menambah peruntukan untuk baiki infra, satu. Yang keduanya, kita ada cadangan untuk mewujudkan satu lagi kawasan industri di Kuala Krai iaitu kita telah mengecam satu kawasan seluas 96.7 ekar di kawasan baru Pahi. Cadangan ini akan diteruskan dengan segera bagi tahun 2023 ini Insha Allah Kuala Krai akan dapat 2 kawasan industri iaitu kawasan Staponal dan lagi satu kawasan di Pahi.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ayer Lanas.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, ada 3 sektor utamalah dalam Negeri Kelantan dan Malaysia. Satu ialah pembuatan, sektor pertanian yang besar dan yang ketiga ialah perkhidmatan. Jadi tahniahlah dengan kemajuan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' EXCO, di Tok Bali dan IBS sekali. Saya nak tumpu kepada pelancongan. Saya rasa pelancongan termasuk sektor perkhidmatan yang memang diberi tumpuan pada hari ini, saya pagi tadi ada peluang untuk berjumpa dengan Yang Berhormat EXCO Pelancongan.

Jadi saya nak sebut Jeli sikitlah bersama dengan DO Jeli kita telah berusaha lebih setahun lebihlah untuk memajukan pelancongan dan kita rasa di Jeli ni meletop dengan Lata Kashmir, Bukit Salor, Lata Renyuk, Lata Janggut dan beberapa kawasan yang lainlah.

Jadi oleh kerana tahun depan merupakan Tahun Melawat Kelantanlah. Saya bagi pihak Yang Berhormat EXCO berpengerusi dengan kami apakah perancangan yang terlibat sekarang bulan ini dan bulan hadapan untuk kita bersiap sedia supaya sektor pelancongan yang saya rasa berpotensi yang sangat besar menjadi sumber pendapatan baru untuk rakyat Kelantan, itu yang pertamanya.

Yang keduanya, saya telah mengusulkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Majlis Perundingan bersama dengan jajahan-jajahan dan saya yakin dengan peluang-peluang kerja nih. Sanggup untuk pengerusikan bagi Jeli mempengerusikan Jawatankuasa Pelancongan supaya kita dapat rancang dengan lebih tersusun dan banyak perkara-perkara cabaran yang kita hadapi seperti infrastruktur, kebersihan dan lain-lain lagi yang perlu kita tangani. Jadi kalau ada majlis tu Insha Allah kita akan dapat tangani dengan lebih tersusun dan mantap lagi, terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' HJ MOHD HANIFA BIN AHMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu lebih kepada pelancongan. Saya rasa EXCO Pelancongan akan gulunglah apabila sampai ruangnya.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

EXCO Pelancongan nak jawab ko? Boleh saya bagi peluang....

YB MEJAR (B) DATO' MD ANIZAM BIN ABD RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Terima kasih kepada Ayer Lanas, yang begitu prihatin dan uniknyanya di Jeli ini kita ada nama-nama seperti Hindustan dan telah menjadi sebutan ramai begitu juga ada Hokaido ada Jepun ada....

YB DATO' SPEAKER : [MENCELAH] Lata Keding Yang Berhormat..

YB MEJAR (B) DATO' MD ANIZAM BIN ABD RAHMAN :

.... Lata Keding pun ada... Alhamdulillah satu cadangan yang baik dan kita akan berusaha di peringkat Negeri kita ada Majlis Perundingan dan eloklah kita ada perundangan di jajahan-jajahan. Satu idea yang baik dan kita akan berusaha ke arah itu, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Nyatakan apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan bagi menarik minat pegawai-pegawai Kerajaan untuk menyertai program Diploma Tasawwur Islam dan berapakah bilangan Pegawai Kerajaan Negeri Kelantan yang lulus Diploma Tasawwur Islam setakat ini.]

YB DATO' HJ MOHD FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kelaboran. Kerajaan Negeri Kelantan telah Program Tasawwur Islam dengan kerjasama Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2013 sehingga kini seramai 127 orang pegawai telah berjaya mendapat sijil di peringkat Sijil Tasawwur Islam manakala seramai 30 orang daripada jumlah tersebut telah berjaya mendapat kelulusan Diploma Eksekutif Tasawwur Islam. Pada tahun 2022, program ini diteruskan dengan program Tasawwur Islam siri 5 2022 kepada 30 orang pegawai Negeri yang terpilih dan telah memulakan kuliah pengajian pada 23 Jun 2022.

Antara objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Kerajaan serta membentuk pegawai yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk memberikan nilai tambah kepada pegawai-pegawai yang mempunyai Diploma dan Sijil tersebut bagi proses kenaikan pangkat dan sebagainya ini sedang diteliti, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kok Lanas.

YB DATUK SRI MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Pantun sikit boleh ko?

*Ada tasik namanya Chini,
Katanya ada naga sedang berjemur,
Soalan terakhir penggal ini,
Pohon jawapan soalan nombor 5.*

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai.]

YB DATO' HJ SR MOHD AZAMI BIN MOHD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم ..،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada sahabat saya Kok Lanas. Sebelum saya jawab soalan nombor 5 izinkan saya respon sikit soalan berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Ayer Lanas tadi berkaitan dengan Jawatankuasa pemantau projek-projek dan jawatankuasa ini ditubuhkan atas inisiatif Yang Berhormat Ayer Lanas selaku Menteri Ekonomi pada waktu itu dan saya bercadang untuk mengekalkan Jawatankuasa ini dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ayer Lanas dan saya sebagai Timbalannya Insha Allah.

Jadi jawatankuasa ini bila kita bermesyuarat kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di tapak dan di lapangan terutamanya dalam kes-kes pengambilan balik tanah dan sebagainya. Jadi Insha Allah Jawatankuasa ini kita akan teruskan.

Pada soalan nombor 5, Insha Allah saya jawab Lebuhraya KBKK merupakan jalanraya yang dibina bermula daripada Kota Bharu ke Kuala Krai. Pembinaan jalan ini adalah sepanjang 66.88 km melibatkan kos sebanyak RM2.33 billion. Ianya dipecahkan kepada 7 pakej:-

Pakej pertama pakej 1B-Pasir Hor ke Kadok siap doh. Pakej kedua pakej 2A – Kadok ke Ketereh telah siap jugak. Pakej 2B- Ketereh ke Kok Lanas... pakej ini masih dalam peringkat pembinaan sepatutnya siap 100% tetapi pembinaan sebenarnya 80%. Pakej ini berjalan dalam tempoh berdenda maknanya kontraktor meneruskan projek ini tetapi dalam keadaan di denda hari-hari... dendanya besar jugaklah.

Yang keempat pakej 2C dan 3A – Kok Lanas ke Bukit Tiu. Pakej ini diperingkat pembinaan dan dijangka disiapkan pada 5 Mac 2026. Pakej 3B – Kampung Berangan Mek Nab ke Kampung Keroh yang dulunya kita kenal lebuhraya rakyat dan pakej ini juga sedang dalam proses

pembinaan dan Insha Allah akan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kemajuan setakat ininya baru 0.51%. Dan akhirnya pakej 3C-...Pakej 3B satu lagi Kampung Berangan Mek Nab ke Kampung Keroh juga dalam peringkat pembinaan kemajuan kerja setakat ini ialah 7.26 %. Dan pakej yang akhir sekaligus Kampung Keroh ke Kuala Krai – pakej ini diperingkat pembinaan kemajuan kerja bagi pakej ini adalah 6.23%.

Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kok Lanas.

YB DATUK HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Soalan nombor 5 ini saya ajukan kerana terdapat rungutan yang sangat kuatlah daripada rakyat Kelantan dan saya harap rungutan ini akan diambil kira oleh bakal Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Projek ini. Sebab terutamanya orang Kok Lanas yang pakej 2B tu sepatutnya dah siap. Saya diberitahu dia dapat tambahan RM70 juta lagi bila dah lewat tak boleh buat Perdana Menteri ke-9 sambung dia jugak bagi RM70 juta tambahan sebab kalau lantik kontraktor baru kos akan lebih lagi dan sekarang kena denda. Saya pohon supaya paksa la dia ni kena buat kena selesaikan jugak sebelum akhir tahun ini. Soalan tambahan saya ialah mengenai ramai orang duk bercakaplah tak kira daripada mana, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengenai pakej yang Berangan Mek Nab tu adakah Kerajaan Pusat ambil 100% ataupun pakai design lama yang ini banyak orang tanya, saya pun tak boleh jawab. Saya pun tak tahu kenapa di tanya saya, saya kata kena tanyalah pihak yang berkenaan. Jadi saya ingat Ayer Lanas lepas ni nak kena pastikan bahawa biar ada *deal* yang baik untuk Kerajaan sebab yang penting bukan perkara dulu, perkara ke hadapan sebab *politic its about today dengan izin tomorrow and the future its never about the pass, always remember that*. Sebab itu perkara-perkara yang lalu kita kena lupakan. Kita mesti ke hadapan jadi saya nak minta supaya perkara ini kita selesaikan. Jangan jadi masalah kepada that pakej, terima kasih.

YB DATO' HJ SR MOHD AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih kepada Kok Lanas soalan tambahan... berkaitan dengan pakej 2B dalam taklimat baru-baru ini kita diberi taklimat pakej 2B ni akan dibuat 2 fasa. Pakej 2B ni lebih kurang 60 kilometer lebih fasa pertama ni lebih kurang 3 kilometer dia akan disiapkan dan akan diserahkan pada bulan Mei tahun ini Insha Allah dan yang baki tu akan disiapkan pada bulan September ini Insha Allah. Jadi kita ucap syabas dan tahniah kepada kontraktor walaupun dalam keadaan berdenda dia buat kijo. Dendanya besarlah lebih kurang RM30 ribu sehari satu jumlah yang besar.

Berkaitan dengan Lebuhraya Rakyat ni Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana kita sedia maklum bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju mengambil alih pembinaan. Cumanya dia mengambil alih tanpa liabiliti kita, hutang kita. Untuk makluman Yang Berhormat Kok Lanas hutang kita lebih kurang RM60 juta lebih kita duk bayar sikit-sikit lani tinggal lagi RM53 juta dan kita minta jasa baik Kok Lanas supaya bice dan ambil sekali dengan hute-hute kitalah. Jadi harap Kok Lanas setuju...[SAMBIL TERSENYUM]

YB DATUK SERI HJ MD ALWI BIN CHE AHMAD :

Kok Lanas tu ok tapi Ayer Lanas.....

YB DATO' HJ SR MOHD AZAMI BIN MOHD NOR :

Sekian, terima kasih...

YB DATO' SPEAKER :

Kok Lanas dan Ayer Lanas sama-sama ada peranan Insha Allah. Dipersilakan Yang Berhormat Gaal.

YB MOHD RODZI BIN JA'AFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon kepada jawapan saya soalan nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, kaedah menyalurkan wang peruntukan RM50 juta untuk mangsa banjir yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Disember yang lalu.]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah penyaluran wang peruntukan RM50 juta untuk mangsa banjir yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Disember 22 yang lepas :

Yang pertamanya ialah, Kerajaan Persekutuan menyalurkan sebanyak RM50 juta kepada Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan ICU JPM. Di mana Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan PPNK ICU JPM ini telah pun mengadakan mesyuarat di mana Ketua-Ketua Jajahan sebagai Pengerusi Peringkat Jajahan telah dipanggil untuk bermesyuarat bersama dengan Pejabat Pembangunan Negeri bagi menerima mendapat senarai mangsa banjir yang berpindah dan tidak berpindah.

Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Limbongan.

YB MOHD NAZLAN BIN MOHAMED HASBULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya ialah adakah telah selesai penyaluran dan penyampaian kepada mangsa-mangsa banjir sama ada yang berpindah ke pusat-pusat pemindahan sementara ataupun yang terkena banjir tapi tidak berpindah ke Pusat Pemindahan sementara.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyaluran sudah pun dibuat dan dapat maklumat senarai yang berpindah dan yang tidak berpindah sehingga kini ada sedikit maklumat yer. Setakat ini pihak Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan PPNK ICU JPM telah menyalurkan kepada Ketua-Ketua

Jajahan sebanyak RM21.41 juta yang terdiri daripada RM12.3 juta untuk bantuan kepada mangsa yang berpindah dan RM 9.1 juta kepada mangsa yang tidak berpindah. Dan RM30,000.00 untuk waris mangsa yang meninggal dunia sebagaimana yang telah dimaklumkan. Yang lain-lain sedang dalam proses untuk bayar. Yang telah bayar yang berpindah seperti Pasir Puteh dan juga Bachok, ada lagi Tumpat yang tidak berpindah belum bayar lagi dan adalah beberapa jajahan secara butirannya telah bayar dan sebahagiannya belum lagi mengikut maklumat awal.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah...ada?owh tidak ada tuan...
dipersilakan Yang Berhormat Wakaf Bharu....

YB HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم ..،
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, status terkini pembinaan jambatan yang bakal memberi kemudahan dengan menghubungkan penduduk di Palekbang (Jajahan Tumpat) dengan Kg. Gok Kapur (Jajahan Kota Bharu).

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Bharu. Pembinaan Jambatan Palekbang telah diluluskan sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri pada 9 September 2022 sewaktu Majlis Perasmian Laman Warisan Kampung Laut. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih menunggu surat setuju terima bagi pelaksanaan di bawah Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur ECERDC.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Wakaf Bharu,

YB HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum soalan tambahan saya ingin tahu status di mana flayover Wakaf Bharu yang mana merupakan salah satu projek kalau ikutkan penghujung ataupun 31 hb 12 siap tetapi masih ditangguhkan lagi difahamkan sehingga bulan 6. Jadi soalan tambahan, apakah status terkini projek flayover, sekian terima kasih.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ni lain sikit dari soalan asal, jadi saya minta notislah. Mungkin kita akan bagi jawapan bertulis nanti kepada Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Tanjung Mas.

YB HAJJAH ROHANI BINTI IBRAHIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, adakah pohak Kerajaan berhasrat untuk membina sebuah lagi padang karpet turf, memandangkan sambutannya yang luar biasa.]

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, orang pantun kita pun nak pantun jugaklah. Pasal Ahli-Ahli Yang Berhormat ramai pantun ambo nok jawab sikitlah. Pasal kata sidang terakhir.

*Kompleks sukan buat di Selising,
Sebagai tuan rumah sukan SUKMA,
Kalu YB tak nak kena kencing,
Lepas ni marilah kita sama-sama dengan Perikatan Nasional.*

[DIKUTI KETUKAN MEJA OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT]

Lulus doh? Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Tanjung Mas yang membangkitkan pasal padang turf ataupun padang sintetik. Jadi Kerajaan bukan sahaja berhasrat untuk membina sebuah lagi padang karpet turf memandangkan sambutannya begitu luar biasa mengalakkan. Bahkan Kerajaan Negeri telah mengemukakan 5 permohonan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 rolling plan ke-4 iaitu kita mengangkat permohonan:

- i- Mencadang membina dan menyiapkan padang bola sintetik di atas tapak Yayasan Islam Kelantan Tunjong, Kota Bharu yang dipohon melalui Kementerian Kewangan Malaysia. Kerana kita tahu YIK ni juga mewakili Kerajaan Negeri bertanding dalam sukan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Agama Malaysia dan baru ni dia mendapat johan keseluruhan jadi wajar diberi keutamaan jugak.
- ii- Yang keduanya, juga kita mengangkat cadangan membina pusat aktiviti komuniti yang mengandungi padang bola sepak sintetik (turf) di Gua Musang, Kelantan yang dipohon melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.
- iii- Dan yang ketiga, kita juga mengangkat cadangan Membina Kompleks Sukan Komuniti Pasir Puteh yang mengandungi padang bola sintetik di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- iv- Dan yang keempatnya, cadangan naik taraf Pusat Sukan Tanah Merah yang mengandungi padang bola sintetik di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- v- Dan yang kelimanya, kita mengangkat juga cadangan membina kemudahan sukan di Padang Bola Taman Desa Kemumin Padang Tembak di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Terima kasih.

**[YB DATO' TIMBALAN SPEAKER MENGAMBIL ALIH TUGAS
SPEAKER]**

YB HJ MOHD ROSELI BIN ISMAIL :

Kemuning [BANGUN]....

YB DATO' SPEAKER :

[SAMBIL TERSENYUM]Tendong....

YB ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Yang pertamanya tahniah kepada pihak Kerajaan pertamanya di bawah EXCO Belia dan Sukan di atas kesungguhan dan komitmen dalam memajukan dan mempertingkatkan infra-infra dan kemudahan-kemudahan kepada belia-belia dan juga khususnya dalam pembangunan bola sepak dan sebagainya. Cuma soalan tambahan, adakah pihak Kerajaan terutama di bawah EXCO Belia, menerima tawaran daripada pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia ataupun FAM berkaitan dengan tawaran FAM untuk menaiktaraf padang bola biasa kepada yang lebih berkualiti dan kalau menerima tawaran ini apakah pihak Kerajaan bersetuju dengan tawaran ini dengan mengambil kira kos-kos yang terpaksa ditanggung antaranya *maintenance* kepada padang ataupun rumput baru yang ditawarkan oleh pihak FAM ini.

Terima kasih.

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Dato' Speaker, kepada Tendong yang juga Presiden Kelantan United dia berhasrat bermain di padang sintetik yang comel. Jadi Kementerian dan Sukan dalam mesyuarat dalam peringkat tertinggi Majlis Sukan Negara telah memaklumkan dan kita telah menerima surat tawaran untuk tukar padang rumput padang di mana-mana lokasi yang dia beri tawaran cuma satu buah negeri yang dianggarkan berharga sejuta dan perbelanjaannya 50/50 Negeri separuh Kementerian separuh. Jadi surat tersebut sudah saya panjangkan kepada pihak

Perbadanan Stadium untuk buat kajianlah dengan kos penyelenggaraan dan sebagainya.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kemuning..

YB MOHD ROSELI BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

Berhubung dengan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tanjong Mas sekejap tadi berhubung dengan padang karpét turf jadi adakah pihak Kerajaan bercadang membina rumput karpét turf ni disemua jajahan dalam negeri Kelantan khususnya untuk kaum wanita sebab ramai wanita dalam Dewan kita pada pagi ini.

Dan yang keduanya apakah cadangan berkaitan dengan cadangan yang diangkat oleh Kemuning berkaitan dengan berhubung untuk menaiktaraf padang di Berangan Mek Nab kita angkat perkara ini kepada pihak Kementerian tetapi oleh kerana pertukaran Kerajaan dan Kemuning telah mengangkat buat kali kedua kepada pihak EXCO nak tahu perkembangan terkini, sekian terima kasih.

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Dato' Speaker, dan Kemuning. Berhubung dengan padang bola sintetik untuk wanita tu bila kita buat boleh guna belakolah. Wanita dan juga lelaki dan yang kedua menaik taraf padang bola Berangan Meknab tu tahun lepas lagi kita lulus. Yang Berhormat boleh semak dengan pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah untuk dinaiktaraf padang yang ada di Berangan Mek Nab, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Nengiri.

YB ABDUL AZIZ BIN YUSOFF :

بسم الله الرحمن الرحيم ..،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Batu papan banyak buluh,
Pohon jawapan nombor 10.*

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan Kerajaan dari segi penempatan dan mewujudkan Bandar Baru hasil dari pembinaan empangan Nenggiri termasuk perancangan menjadikannya sebagai destinasi pelancongan.]

YB DATO' HJ MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk jawapan nombor 10 ini hasil daripada pembinaan Empangan Nenggiri ini yang bertujuan untuk hidroelektrik dan mengurangkan risiko berlaku banjir di samping memenuhi keperluan bekalan air bersih ada beberapa kampung penempatan orang asli yang terpaksa dipindah iaitu Pos Tohoi, Pos Pulat dan kampung Pos Kuala Wias dan Kerajaan Negeri hasil daripada beberapa kali berbincang dengan pihak-pihak yang berkaitan telah mengenalpasti 2 kawasan baru untuk penempatan ini yang kita sebut sebagai plot A dan juga plot B. Plot A ni iaitu melibatkan penempatan semula orang-orang asli daripada Pos Pulat dan Kuala Wias. Manakala Plot B penempatan semula orang asli daripada Pos Tohoi.

Adapun tentang cadangan mewujudkan bandar baru di sekitar ataupun berdekatan dengan empangan Nenggiri ini setakat ini belum ada perancangan dan juga cadangan daripada pihak Kerajaan untuk membangun ataupun membina bandar baru. Adapun tentang destinasi pelancongan perkara ini sudah ada dalam RTJ Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang yang mana ada cadangan untuk memajukan kawasan sekitar Nenggiri itu sebagai destinasi pelancongannya terutamanya di Sungai Nenggiri dengan program yang disebut sebagai Nenggiri Eco Challenge yang melibatkan penyertaan peserta antarabangsa dan juga rakyat tempatan. Selain daripada itu ada juga beberapa aktiviti yang dicadangkan seperti aktiviti ekspedisi, berkayak, berakit dan juga program "homestay" di Kampung Star.

Sekian, terima kasih.

YB ABDUL AZIZ BIN YUSOFF :

Soalan tambahan bolehkah pihak kerajaan memaklumkan kepada kita sejauh manakah kemajuan pembinaan empangan Nenggiri setakat ini.

YB DATO' HJ MOHD AMAR BIN ABDULLAH :

Yang ni kena Yang Berhormat Dato' Azami kena jawab peratus Nenggiri pembangunan Nenggiri kalau boleh. Saya tak ada data.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Sila kalau YB Exco ada maklumat. Silakan.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini kita tidak ada maklumat lagi. In Shaa Allah kita akan bagi secara bertulis nanti lah kepada Nenggiri In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Sebelum saya bertanya jawapan soalan yang ke-11, saya nak berpantun pasal hari ini hari terakhir, pantun ini yang bermula kelmarin dok lulus, yang kedua boleh 5 markah dan ni yang terakhir.

*Daun kelur sangatlah hebat,
Anak nakal ayuhlah bertaubat,
Terima kasih wahai sahabat,
Kebersamaan kita bersama sepanjang DUN ini sangatlah hebat.*

Sekian terima kasih. Mohon jawapan nombor 11.

Soalan 11 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, sejauh mana perkembangan pembinaan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa, Lebuhraya Rakyat Kota Bharu-Kuala Krai ECRL dan adakah semua projek ini berjalan mengikut waktunya.]

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Boleh bui markah penuh ko tu ?

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong. Kita ore profesional dok reti nok pantun jadi dokleh nok jawab pantun tadi tu. Kita jawab kepada soalan khusus lah. Berkaitan dengan soalan nombor 11 status beberapa projek yang sedang dijalankan di Kelantan kita pada masa sekarang ini terutama sekali Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Status terkini projek pembesaran dan menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu adalah sebagaimana berikut yang dirancangkan 21.39%, sebenar 15.68% sedikit kelewatan sebanyak 5.71%, tempoh pembinaannya 36 bulan.

Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai telah saya jawab pada soalan nombor 5 tadi soalan daripada Yang Berhormat Kok Lanas. Berkaitan dengan projek laluan Pantai Timur ECRL Negeri Kelantan, status terkini adalah pertama Projek Laluan ECRL ini berjalan dengan baik, kemajuan infrastruktur setakat ini sebanyak 44.76% dibawah penyeliaan dan pemantauan berterusan daripada MRL, kontraktor utama iaitu China Communications Construction Sdn. Bhd. (CCCC) telah berjaya memasang T beam yang pertama pada 28 November 2022 di Jambatan No. 5 berdekatan Kampung Jerus, Jajahan Pasir Puteh. Di samping itu juga, kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi Stesen Kota Bharu dan Pasir Puteh telah diperolehi daripada pihak JKNPP Kelantan pada 1 November

2022 bagi Stesen Pasir Puteh dan 3 November 2022 Stesen Kota Bharu. Sejarar dengan itu, pihak kontraktor telahpun memulakan kerja-kerja pemulihan tanah di kawasan Stesen Kota Bharu. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kemuning, sila.

YB MOHD ROSELI BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan saya ialah berhubung dengan Lebuhraya Rakyat Kota Bharu – Kuala Krai. Jadi saya nak fokusnya ialah Leburaya Rakyat dipakej Bukit Tiu Berangan Mek Nab. Dulu memang lah kita namakan lebuhraya ini Lebuhraya Rakyat, adakah nama Lebuhraya Rakyat ini masih kekal dengan nama itu ataupun ditukar dengan nama baru.

Dan yang keduanya, kalau sebagaimana yang dimaklum pada masa mula-mula kita buat lebuhraya dulu pada tahun 2012 tak silap saya dan dijangka siapnya pada tahun 2018. Jadi apakah untuk Pakej Berangan Mek Nab, jadi apakah sebab kelewatan ini sehingga 2023 belum siap, sekarang kita nak masuk pilihan raya yang baru, hari raya puasa, hari raya haji berapa kali. Jadi saya minta penjelasan lah sikit sebab rakyat duk tanyo sokmo untuk perkembangan terkini Lebuhraya Rakyat Berangan Mek Nab dan berapakah kos terbaru yang terlibat dan bila dijangka siap. Minta penjelasan. Sekian terima kasih.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih soalan tambahan daripada Kemuning. Berkaitan dengan nama tu kita akan bincang nanti lah bila dah siap, yang pentingnya siap dulu lebuhraya tu dan lebuhraya ini melibatkan belanja RM 262 juta untuk pembinaan Lebuhraya Rakyat kita ni. Kelewatan itu sebagaimana kita sedia maklum lah berlaku beberapa masalah yang kita Kerajaan Negeri hadapi dan perundingan diantara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk kita menyerahkan pembinaan projek ini berjalan dengan lama. Alhamdulillah lah berjalan dengan baik. In Shaa

Allah bulan Mac 2026 nanti lebuhraya ini akan siap sepenuhnya Kota Bharu – Kuala Krai In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong.

YB ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebelum kepada soalan tambahan, tadi saya bangun terlupa nak berpantun. Jadi ingin mengambil kesempatan juga lah untuk berpantun tapi bukan berpantun untuk ni tapi cadangan. Dalam pantun ini ada satu cadangan, sebab duk tengok sahabat-sahabat duk berpantun tu mace-mace irama kita dengar. Pantunnya berbunyi begini Dato' Speaker.

*Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,
Saya bangun penuh hormat,
Kepada Yang Berhormat Dato' Mejar,
Buatlah kursus pantun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.*

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : (MENCELAH)

Pahni kita minta Dato' Mejar boleh jawablah.

YB ROZI BIN MUHAMAD :

Soalan tambahan melalui penerangan yang dibuat oleh pihak kerajaan berkaitan dengan projek-projek yang berimpak tinggi yang sudah kita semua dengar tadi. Soalannya bagaimana pula dengan Projek Tambatan Banjir, adakah ianya berjalan mengikut jadual sebagaimana yang berlaku sebelum ini ataupun adalah berlaku apa-apa kelewatan sebagaimana kita sedia maklum lah pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri berkaitan kos dan sebagainya. Kita bimbang takut-takut ada kelewatan di situ atas sebab beberapa perkara yang mungkin diluar jangkaan kita. Minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih kepada Tendong soalan tambahan berkaitan dengan tambatan banjir. Sebagaimana kita sedia maklum lah Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Fasa 3 kita akan teruskan, Fasa 2 telah melantik kontraktor, Fasa 3 akan diteruskan secepat mungkin lah. Cuma kalau ada masalah-masalah berkaitan ditapak nanti In Shaa Allah jawatankuasa yang ditubuhkan tadi kita akan selesaikan sebaik mungkin In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ayer Lanas.

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED :

Terima kasih Dato' Speaker. Saya tumpu soalan tambahan kepada Lapangan Terbang Ismail Petra. Kalau mengikut jawapan Exco tadi kelewatan kira-kira 5% lah, prestasi kira-kira 15% sepatutnya 21%. Ini merupakan satu antara pintu masuk utama ke Negeri Kelantan melambangkan imej kita. Jadi tempoh pembinaan 36 bulan ada beberapa projek ini memang lewat. Jadi dengan 5-6% lewat setakat ini ni adakah pada pandangan Yang Berhormat Exco, kontraktor tidak akan dapat memastikan Lapangan Terbang ini pembesarannya dapat diselesaikan dibina dalam tempoh ditetapkan.

Sekarang ini kita sedia maklum bahawa berlaku kesesakan yang amat serius walaupun penerbangan sedikit berbanding dengan tempoh sebelum Covid tetapi pada masa ini kesesakan amat serius jadi kalau 2 tahun lagi baru siap. Maka kita dapat bayanglah betapa seriusnya masalah ini dan kita harap ada pendekatan tertentu oleh pihak Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pusat untuk memastikan kontraktor ini mempercepatkan pembinaannya supaya ia dapat memberi lambang dan imej yang lebih baik tentang salah satu pintu masuk utama ke negeri kita ini. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' SR HJ AZAMI BIN MOHD NOR :

Terima kasih kepada soalan tambahan Ayer Lanas. Hanya kelewatan yang berlaku disebabkan oleh Covid baru-baru ini, kemasukan pekerja-pekerja asing susah. Jadi dalam taklimat baru-baru ini pihak kontraktor dan juga MOF memberi jaminan bahawa projek ini akan diteruskan dan akan dijangka siap pada tempoh yang ditetapkan.

Masalah dia sekarang ini ialah mendapat pekerja mahir. Pekerja-pekerja mahir kita ni "*toksir gi kijo*" situ secara mudah. "*Dio nok nyo*" pertama sekali ikat bata dan yang keduanya orang pandai plaster. Jadi kalau sapo-sapo ado buruh yang mahir dua perkara ni boleh gi jupo pihak kontraktor di tapak. Ini lah dua perkara yang dihadapi oleh kontraktor sekarang ni. Masalah duit takdok masalah cuma masalah mendapat pekerja mahir. Dan pihak kontraktor sekarang sedang berusaha bawa masuk pekerja-pekerja daripada Bangladesh, dalam proses dijangkanya 1-2 bulan lagi akan kemasukan pekerja-pekerja asing nanti. Dan yakin dan percaya bahawa projek ini dapat dilaksanakan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gaal.

YB MOHD RODZI BIN JAAFAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 13.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, berapakah jumlah stesen Mek Awe yang telah diwujudkan di Kelantan dan berapakah jumlah belia yang terlibat.]

YB HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Urusetia Belia dan Sukan iaitu UBeS menyediakan satu platform perniagaan kepada anak-anak muda belia dan beliawanis dengan jenama yang kita namakan Stesen Mek Awey. Jadi jumlah keseluruhan yang kita adakan

sebanyak 8 di kawasan ataupun parlimen iaitu di Tunjung, Stesen Mek Awey Tunjung, Stesen Mek Awey Pulai Chondong, Stesen Mek Awey Kelaboran, Stesen Mek Awey Wakaf Mek Zainab, Stesen Mek Awey Panchor, Stesen Mek Awey Chiku. Yang ketujuhnya Stesen Mek Awey Gaal dan yang terakhir 7 Mac baru ni Stesen Mek Awey di Tanah Merah kawasan Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Tendong. Silap Pulai Chondong. Minta maaf.

YB HAJI AZHAR BIN SALLEH :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Soalan tambahan saya, pertama saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Exco yang telah melaksanakan satu program yang sangat baik dalam membantu usahawan belia. Soalan tambahan saya ialah saya melihat beberapa Stesen Mek Awey ini nampaknya "*supo tutup doh*". Jadi apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan supaya program yang diadakan ini dapat dipantau dengan baik dan dapat diteruskan. Sekian terima kasih.

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Ye terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada ADUN Pulai Chondong. Sebenarnya kita berusaha untuk mendidik anak-anak muda kita ni sebab zaman dulu "*kito bui bare hile, bui duit habih*". Jadi sekarang ni kita jenamakan pula dengan Stesen Mek Awey ni kita jemput vendor-vendor yang telah masyhur dalam masyarakat kita contoh Ashok Kuey Teow, Takoyaki, Sub Depo dan sebagainya. Syarat kita dia tak boleh buat balik ataupun dia milik secara peribadi sehingga dia ni boleh berjaya dalam bisnes ataupun perniagaan dia.

Jadi peringkat awal ni nampak kemajuan dan ada setengahnya tidak dapat memenuhi apabila dia ada masalah ni dia tidak rujuk kepada kita. Jadi In Shaa Allah pihak Urusetia Belia dan Sukan akan buat kajian lah

untuk pengurusan supaya mereka ni terus berjaya dan dapat menjana pendapatan harian kepada mereka untuk meringankan beban harian kepada mereka. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita ada buat ko anugerah Mek Awey yang cemerlang. Boleh buat mungkin, isu nak tutup tu mungkin dapat diatasi lah kalau...

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Dato' Speaker, *meme dale perancangan kito cumo kita tidok perabih lagi kawasan-kawasan parlimen 14. Setakat ni baru 8, habis semua tu baru kito nilai* dan In Shaa Allah kito akan berikan penghargaan kepada yang terbaik. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kemuning.

YB MOHD ROSELI BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan Exco berkaitan dengan konsep Stesen Mek Awey sebab kalau kita lihat Mek "*dale Bahasa kito ni ore perempuan... budok perempuan, Awey ni budok laki*". Jadi konsep Stesen Mek Awey ataupun kedai kiosk yang kita wujudkan ini adakah syarat kita kena campur "*ado Mek ado Awey ataupun dia boleh berasingan hok ni hok Mek belako hok ni hok Awey belako*". Dan yang keduanya, perlu dijelas lah konsep Mek Awey biar nampak jelas. "*Pasal napok mace campur*". Pastu yang keduanya apa peruntukan yang dikhusus kepada mereka ni adakah atas nama individu atau atas nama kelompok group. Terima kasih.

YB WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Kemuning. "*Mek ni betul lah ore tino*" tapi kita terjemahkan dalam bahasa digunakan ialah beliawanis. "*Awey ore jate, budok-budok jate jadi belia. Supo kito lah persatuan ibubapa, ibu dulu baru pok. Jadi supo jugok Mek Awey*", beliawanis dulu baru belia kerana dalam bidang perniagaan ni arwah Tok Guru sebut pun sebab tu "*dio buh*" nama Pasar Siti Khadijah pasal "*mek*" ramai "*awey kure*" sikit. Jadi atas asas tu lah dan kita pun biasa duk guna dialek "*kelate ni mek away*", kayanya bahasa kita. Jadi bila kita letak Stesen Mek Awey ni stesen ni tempat berkumpul dan budak-budak muda ni meme dia suka berkumpul.

Dan trend sekarang ini belia beliawanis kita ni dia berkumpul sambil-sambil dia minum, dia tidak nak heavy-heavy, dia nak separuh heavy sebabtu lah kita cari vendor-vendor yang mempunyai citarasa anak-anak muda mace takoyaki, sub depo, Ashok Kuey Teow yang terbaru "*hok kito buko di Tanah Merah tu pukul 11 habis doh*". "*Berderu pakat mari pasal santai-santai gitu lah*". Itu lah konsep kita.

Dan kita menyediakan peruntukan kerana kerajaan menyediakan peruntukan dibawah Belia Niaga ni RM500 000. Jadi kita tetapkan satu kawasan itu lebih kurang RM50 000 ataupun RM60 000. Kalu 10 kawasan habih lah peruntukan tu. Dan setiap Mek ataupun Awey ni kita bagi peruntukannya lebih kurang RM5 000 ataupun RM6 000 untuk membantu belia beliawanis kita dengan disupport oleh vendor-vendor tadi. Sebabtu lah kita buat kiosk tu secara kekal, campur dengan kita bina kiosk tersebut lebih kure kosnya RM50 000 ataupun RM60 000 dan selebihnya ditanggung oleh YB-YB lah. *Sebabtu lah "dok serupo, jadi YB ni ado lebih dio buat comey lagi dok"*. Itu lah konsep yang kita beri, dicampur dengan dasar kerajaan kita ialah Taawun (kerjasama).

Selain daripada itu, penaja-penaja juga turut bersama lah untuk kita menjayakan benda ni. Jadi Mek Awey tu nama lah. Moga kita ni disebut lagutu doh, jadi dalam masyarakat kita pun jual pun sekali lah sama ada mek ataupun away hok bersanggupan untuk menyertai program kita ni Stesen Mek Awey. Dan setiap kawasan tu penyertaan ada 5 ada 6. Maksimanya 6, minimanya 5. Dibimbing oleh vendor-vendor kito. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 14.

Soalan 14 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan Negeri Kelantan bagi menarik pelabur untuk mengusahakan pengeluaran mineral nadir bumi di negeri Kelantan.]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan REE ataupun nadi bumi ini kerajaan giat membuat kajian kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi memiliki atau adanya REE. Yang keduanya ialah kita sedang meneliti secara terperinci SOP yang sepatut akan digunakan oleh mana-mana pihak yang dibenar oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi pelabur kita tidak ada masalah sebenarnya. Perkara ini telah dipromosikan oleh Yang Berhormat Menteri KeTSA (Kementerian Tenaga dan Sumber Asli) dulu waktu pentadbiran Perdana Menteri yang ke-9 dahulu dimana ia telah menyatakan bahawa kerajaan ataupun negeri Kelantan dah kenal pasti dia kata mempunyai potensi unsur nadi bumi ataupun REE dengan nilai RM 125 bilion. Maka dengan disebut oleh Menteri waktu itu ramai pelabur-pelabur datang untuk meninjau tentang potensi mengusaha mengeluarkan REE di Kelantan. Cuma kita amat-amat berhati-hati dengan dua perkara tadi setelah selesai kedua-duanya In Shaa Allah kita akan beri kepada mana-mana yang terbaik oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Paloh.

YB AMRAN BIN ARIFFIN :

Dato' Speaker... sambung pantun.

*Pat pat siku lipat,
Sayang PN sangat lambat,
Tubuh kerajaan mandat rakyat,
Kerajaan MADANI BN tongkat.*

Sambung sikit lagi.

*Soalan 15 pertanyaan rakyat,
Diceruk kampung dibincang hangat,
Pohon jawapan yang memberi semangat.*

Terima kasih.

Soalan 15 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi menampung kerugian penduduk yang terjejas hasil tanaman akibat dari serangan haiwan liar seperti gajah.]

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Paloh. Serangan haiwan liar seperti gajah ke atas hasil pertanian banyak berlaku di kawasan pedalaman seperti Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah. Serangan haiwan liar ini berlaku keatas tanaman dikategorikan sebagai Bencana Bukan Alam.

Kerajaan melalui Jabatan Pertanian mempunyai peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berdasarkan permohonan yang diterima daripada para petani atau usahawantani terbabit dengan ancaman atau kerosakan hasil pertanian dibawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

Menurut rekod, pada tahun 2022 sehingga awal tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah menerima permohonan kerosakan tanaman akibat haiwan liar melibatkan serangan gajah liar dan beruang membabitkan 6 orang petani dengan nilai cadangan bantuan berjumlah RM 25 000. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Paloh.

YB AMRAN BIN ARIFFIN :

Terima kasih diatas jawapan Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya pertamanya adalah berkenaan dengan bagaimana cara yang paling mudah untuk memohon kerana melibatkan ramai mangsa yang terjejas akibat serangan haiwan liar khususnya gajah lah yang mana sekarang ini telah melibatkan serangan terhadap kelapa sawit. Ini saya faham membabitkan agensi dibawah persekutuan seperti KESEDAR dan FELDA dan juga terdapat daripada kampung tradisional.

Yang keduanya, adalah berkenaan dengan cadangan untuk mengatasi serangan gajah liar ini. Ini barang kali bukan dibawah portfolio pertanian tetapi soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk sekurang-kurangnya mengatasi masalah ini dengan cara mengemukakan kepada pihak Kerajaan Pusat untuk memindahkan, menyediakan peruntukan pertamanya bagi memindahkan binatang-binatang liar seperti gajah yang mana melibatkan RM60 000 satu ekor, kalau kerja-kerja pemindahan perlu dilakukan. Dan bilangan gajah yang terlibat saya percaya bukan sahaja di Gua Musang, di Kuala Krai pun saya tengok YB Hilmi dalam Facebook dia pun juga mengalami masalah gajah melibatkan jumlah yang besar maknanya kos yang diperlukan sangat banyak.

Dan bagaimana kalau kita cadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya kita mengambil inisiatif untuk memindahkan gajah-gajah ini ke Taman Negara. Dan sudah tentu lah Taman Negara ini keluasannya sangat luas dan paling terbaik boleh kita usahakan untuk masa depan lah. Kita usahakan untuk membuat pagar gajah sebagaimana cadangan Perhilitan. The best solution untuk mengatasi masalah ternakan ini bukan setakat halau dengan tembakan atau menyediakan lampu silau tadi. Tetapi yang paling baik mengikut Perhilitan ialah pagar gajah. Isunya kos pagar gajah sangat mahal dan kalau lah kita boleh

mengangkat cadangan untuk masa akan datang kepada pihak kerajaan supaya Taman Negara Kelantan, Pahang dan Terengganu ini kita pagar dan kita tempatkan binatang-binatang liar ini baru lah saya ingat masalah serangan gajah liar ataupun binatang-binatang lain dapat kita atasi di negara kita. Persoalannya adakah kita boleh mencadangkan kepada Kerajaan Pusat cadangan yang sudah tentu akan melibatkan kos yang besar kerana Taman Negara kita luas, Taman Negara Malaysia berjumlah 4343 kilometer dan Kelantan sahaja 1043 kilometer. Terima kasih.

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Paloh. Berkaitan dengan cara memohon bantuan akibat kerosakan serangan binatang liar ni sebagaimana yang disebarkan oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri Kelantan melalui beberapa kaedah. Pertama membuat laporan ke pejabat polis berdekatan tentang kerosakan dan gambar-gambar sekiranya bilangan penternak ataupun petani yang terbabit tidak ramai laporan individu. Sekiranya berkelompok ramai boleh buat laporan secara berkelompok. Seterusnya dibawa laporan tersebut ke Pejabat Pertanian Daerah untuk diangkat ke pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. In Shaa Allah dengan cara tersebut pihak Pejabat Pertanian akan membuat permohonan dan menguruskan agihan kepada para pemohon.

Berkaitan dengan pemindahan gajah ini memang lah memerlukan kepada kos yang besar contohnya baru ini pada 9hb Mac 2023 Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Perhilitan Kelantan mengambil masa lebih 6 jam untuk memindahkan seekor gajah jantan dewasa di Jalan Subong. Rancangan Pemulihan RPT Lembaga Kemajuan Kelantan KESEDAR Selatan Sungai Terah pada hari Sabtu, mana berlaku pada hari Khamis kemudian hari Sabtu dipindah. Dimana Ketua Transferkasi gajah liar RPT Sungai Terah Jimi Unau berkata gajah liar diberi nama Disubong dengan berat anggarannya 2.5 tan ditangkap pada 9 pagi Khamis, hari Sabtu dipindahkan.

Dan nak pindah ni perlu kepada 2 ekor gajah denak yang dibawa daripada Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan di Sungai Deka, Terengganu. Maknanya Jabatan Perhilitan perlu kos yang agak besar, nak pindah seekor gajah kena ada 2 gajah denak yang lain. Dan gajah ni dia agak rumit lah. Tapi sekiranya ada aduan daripada pihak para petani, penternak yang terlibat In Shaa Allah pihak kerajaan akan

berusaha supaya beberapa kaedah yang boleh digunakan menyekat gajah tadi boleh dilakukan. Dan saya setuju lah sebagaimana cadangan daripada Paloh untuk mengangkat kepada pihak Kerajaan Pusat. Cuma kita akan tengok lah bagaimana respon mereka kerana boleh jadi bajet untuk buat pagar pada taman-taman negara ini agak besar juga. Jadi cadangan tu sebenarnya baik. Sekian terima kasih.

[YB DATO' SPEAKER MENGAMBIL ALIH SEBAGAI SPEAKER DEWAN]

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Manek Urai.

YB HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 16.

Soalan 16 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi tahap kebersihan dan prasarana serta kemudahan awam di setiap kawasan bandar, kampung dan pendalaman bagi mengelakkan penyakit berjangkit dan berbahaya?]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Manek Urai. Kita semua maklum bahawa kebersihan ataupun kekotoran sangat berkaitan dengan penyakit-penyakit berjangkit dan penyakit-penyakit bahaya sama ada dia menjadi punca tempat pembiakan nyamuk, sejenis nyamuk, penyakit-penyakit bawaan vektor nyamuk ataupun dia boleh bawa penyakit oleh *rodentia* ataupun tikus dan sebagainya. Pokoknya kotor, memberi kesan yang tidak baik kepada penyakit berjangkit. Selain daripada itu, dia juga memberi kesan yang tidak baik kepada suasana dan juga orang panggil suasana yang tidak baik lah.

Jadi dalam mengatasi perkara ini kerajaan melihat dua faktor. Pertama, faktor netizen atau faktor masyarakat. Dan yang kedua ialah faktor daripada kerajaan sendiri. Jadi kerajaan sendiri akan berusaha untuk meningkatkan kebersihan dengan cara pertama, dari segi sampah... kutipan sampah, efficiency kutipan sampah dan juga menjadikan tempat-tempat ini lebih baik daripada biasa. Maknanya pengurusan sampah daripada kutipan sampah sehingga kepada pengurusan tapak pelupusan sampah, itu satu.

Yang kedua, kerajaan melihat bahawa tanpa sokongan rakyat, tanpa penglibatan rakyat makna usaha ini tidak berkesan sepenuhnya. Maka kita mesti mendidik rakyat supaya rakyat, pertama mengurus sampah dengan baik daripada *source* daripada sumber di rumah. Yang kedua mengajar supaya meletak sampah di tempat yang sebetulnya. Yang ketiga supaya rakyat kita tahu jadual meletak sampah. Bukan 24 jam nok letok sapoh dok. Ini membantu jadi kesannya ialah ini. Yang keseterusnya, kita mengajak rakyat untuk sama-sama bergotong-royong untuk melihat kepentingan kebersihan. Maka kita melakukan gotong-royong itu adalah suatu pendidikan supaya rakyat kita merasakan bahawa kebersihan ini menjadi tanggungjawab bersama dengan PBT. Itu yang kita lakukan sepanjang tahun bermula tahun 2019 sehingga kini. Dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua YDP Setiausaha terutama Ahli Majlis yang telah menyokong mendokong peranan ini. Dan kita tengok di peringkat semua PBT sekarang ini begitu aktif melakukan kerja-kerja kebersihan dan sebagainya.

Yang kedua, kita untuk mengatasi perkara ini, sakit ni kadang-kadang sakit kerana berjangkit. Tapi ada juga sakit kerana "*takdok tempat-tempat ore nok release, loni ore mudo panggil healing*". Jadi Alhamdulillah hari ini dengan kita buat satu benda ini, Zon Bersih Indah Ceria untuk semua PBT. Untuk tahun lepas kita dah buat di semua PBT meletakkan satu Zon Bersih Indah Ceria, peringkat awalan dengan kos yang tidak besar. Namun, master plan kita nya ialah setiap Zon Bersih Indah Ceria ini akan sentiasa ditambah baik dengan komponen-komponen dan dijaga dengan baik supaya suatu hari nanti Zon Bersih Indah Ceria ini kelihatan sangat baik, cantik dan menjadi tempat *healing*. Dan sekarang ini kita kearah itu.

Dan satu lagi sepertimana yang disebut oleh Ayer Lanas tadi, makna kita berkolaborasi dengan KPKT dan sebagainya. Kita cuba menaiktarafkan kesemua tempat-tempat rekreasi kita sama ada rekreasi kita dibentuk

air-air terjun di peringkat gunung ataupun di peringkat pantai kita. Maka itu lah disebut kita cuba bawa kepada rakyat kita suatu benda kebersihan tempat rekreasi. Sekali lagi di sini kita melihat bahawa kita perlu sesuatu pendidikan berterusan supaya rakyat *"kito tidok buwe sapoh kokse"*. *"Kalu kito tengok di Pantai Senok dan sebagainya sepak doh dengan tong sapoh, menjadikan tempat tu dok comey kerana tong sapoh banyak dooh"*. *"Tapi rakyat kito gitu lah dio boleh bawa sapoh begitu banyak tapi nok buat kelik dokleh, nok bubuh dale tong sapoh"*. Jadi pendidikan-pendidikan ini adalah suatu benda proses berterusan. Dan In Shaa Allah kerajaan komited untuk buat begitu supaya suatu hari nanti Kerjasama daripada rakyat dan kerajaan ini boleh memimpin.

Dari aspek rakyat kerajaan pula, kerajaan telah menambah peruntukan yang makin hari makin banyak lah. Alhamdulillah terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Kalau kita tengok peruntukan kita 2022 sebanyak RM11 juta Program Kelantanku Bersih yang ini termasuklah kempen kebersihan, pemerkasaan jentera, menaiktaraf zon bersih dan sebagainya. Projek pembangunan, jalan, longkang gapo sebanyak RM26 juta. Bagi tahun daripada 2023, daripada RM11 juta itu kita naik kepada RM16.5 juta untuk Program Kelantanku Bersih sahaja. Ini termasuklah penyediaan lori pemprosesan sampah RM5 juta, program kebersihan dan keceriaan RM11.5 juta, Kelantan Bersih dan keceriaan bandar hampir RM5 juta, penswastan kutipan sisa pepejal RM5 juta. Dan ini In Shaa Allah akan dinaikkan lagi apabila kita cuba meningkatkan lagi *efficiency* kutipan sampah. Pengurusan sisa pepejal daripada RM1 juta kepada RM1.5 juta. Itu yang lepas.

Kerajaan Negeri juga telah menambah peruntukan kesejahteraan rakyat dan pembangunan PBT kepada RM43 juta bagi tahun 2023 berbanding RM21 juta pada tahun 2022. Makna peningkatan sekali ganda ini menunjukkan keseriusan kerajaan untuk melihat bahawa kebersihan ini satu elemen yang sangat penting dan sangat utama bagi kerajaan. Justeru itu lah, kalau kita melihat ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar setiap tahun di awal tahun sentiasa menekan kepada kebersihan supaya kita rakyat Kelate berubah kearah kebersihan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum nak tanya soalan, nak pantun juga lah.

YB DATO' SPEAKER :

Nok pantun jugok?

YB HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

Nok pantun jugok. Pasal napok Pulau Chondong dok jadi-jadi pantun dio.

YB DATO' SPEAKER :

Saya yang menilai Yang Berhormat.

YB HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

*Laksamana Hang Tuah ke DUN Nenggiri,
Terpijak anak burung tempua,
Saya menyusun sepuluh jari,
Maaf diminta dari semua.*

Mohon jawapan soalan nombor 17.

YB DATO' SPEAKER :

Soalannya ?

YB HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

Mohon jawapan soalan nombor 17. Sebut doh..

Soalan 17:

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, bermula 2018 hingga Disember 2022 berapakah Dasar-dasar atau perubahan-perubahan yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.]

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Kuat pantun ni. Maaf...

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana seronok sangat dengar pantun "*dok teringat doh ambo nok jawab*".

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara dasar yang telah digubal bermula dari tahun 2018 sehingga 2022 adalah sebagaimana berikut. Dia bertukar sedikit dengan Dato' Amar ni. Itu untuk Dato' Amar, hok ni untuk ana.

Pertama ialah Dasar Pendidikan Rabbani yang sedang rancak dilaksanakan sekarang oleh dibawah portfolio pendidikan. Dua Penubuhan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan juga sedang beroperasi setelah kita luluskan dasar-dasar itu. Penubuhan Bahagian Koridor Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan. Empat, Kaedah-Kaedah Sumber Air Negeri Kelantan 2020, Dasar Qawammah Lelaki Kelantan, Dasar Anak Yatim Islah Kelantan, Dasar Wanita Solehah, Dasar Pelaburan Negeri Kelantan, Kelantanku Bersih. Sepuluhnya, Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan. Sebelas, Enakmen Hibah. Dua belas, Enakmen Hak Akses Dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Negeri Kelantan 2022. Itu lah antara dasar yang telah digubal daripada tahun 2018 sehingga 2022. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pantai Irama.

YB HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terutamanya sebelum soalan, pantun saya khusus kepada Paloh dan juga Pulau Chondong.

*Bulan Ramadan solat Jemaah,
Sudah terawih rasa segar,
Muafakat Nasional mengukuhkan Ummah,
Kerajaan Perpaduan ikatan longgar.*

HARI KEDUA 21 MAC 2023

*Hati-hati sahabatku BN,
Jangan terkena lipat-lipat,
Muafakat Nasional terasa tenang,
Muafakat Islam semakin kuat.*

Soalan saya nya soalan tambahan apakah halangan-halangan pihak kerajaan dalam melaksanakan dasar kerajaan. Terima kasih.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Oleh kerana soalan itu umum sangat, dasar nya banyak jadi ada lah halangan-halangan itu sememangnya menjadi satu rempah-ratus kepada kerajaan lah. Masalah masyarakat tak memahami, kemudian dasar tak dihormati. Itu perkara-perkara yang kita hadapi lah. In Shaa Allah apabila semua portfolio melaksanakan dasar-dasar yang telah kita putuskan In Shaa Allah benda itu akan difahami dengan baik. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Tanjong Mas.

YB HAJJAH ROHANI BINTI IBRAHIM :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Pohon jawapan bagi soalan saya nombor 18.

Soalan 18:

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar nyatakan, Apakah tindakan kerajaan terhadap sistem longkang dan perparitan yang sering kali jadi masalah ketika hujan yang berterusan masalah ini berlaku hampir semua daerah terutama di Bandar Lama Pasir Putih dan kawasan-kawasan lain lagi.]

YB DATO' SPEAKER :

Soalan nombor 18.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Mitok maaf takdok dale hok saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Tanjong Mas. Dalam usaha untuk mewujudkan sistem longkang dan perparitan yang lebih efisien di negeri ini kerajaan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan sedang menyediakan Pelan Perancangan Saliran dan Perparitan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Negeri Kelantan.

Kerajaan juga telah membuat keputusan bersetuju agar Pihak Berkuasa menyalurkan geran sebanyak RM1 juta kepada setiap Majlis Daerah Negeri Kelantan dan RM2 juta kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu. Jadi Alhamdulillah dalam perbincangan kerajaan nya ialah oleh kerana pendapatan-pendapatan di peringkat Pihak Berkuasa Tempat Negeri Kelantan ini, dari sudut pendapatannya untuk membuat kerja-kerja infrastruktur agak kurang. Maka kerajaan negeri Alhamdulillah telah meluluskan sebanyak RM13 juta untuk program perparitan di seluruh PBT. Jadi oleh kerana PBT MPKB ini besar sikit kita buwi dia RM2 juta dan hok lain tu sejuta sejuta semua sekali. Dan kesemua PBT telah pun mengangkat program-program ataupun perancangan-perancangan kepada saya khususnya untuk melaksanakan program perparitan dalam PBT masing-masing.

Dan perparitan yang kita cuba buat ini ialah kita akan berkolaborasi antara parit kerajaan tempatan dengan juga bahagian utiliti hok JKR ni supaya air itu ada tempat untuk keluar ke tempat-tempat yang sepatutnya ke sungai.

Jadi Alhamdulillah Yang Berhormat kita pun sebut "*kalu saloh dok cukup boleh mitok*" peruntukan tambahan. Jadi begitu lah keseriusan kita "*dale keadaan kito takdok pitih kito buat sikit-sikit*", "*bilo ado kito*" terus cuba untuk menyelesaikan masalah kelongkangan dalam kawasan PBT. kita Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kok Lanas.

YB DATUK SERI SR HAJI MD ALWI BIN HAJI CHE AHMAD :

Akhir ni kena pantun molek sikit lah.

*Parlimen sudah, ADUN pun sudah,
Hanya pencen sedang menanti,
Jika ada apa-apa yang tersalah,
Pohon jangan simpan dalam hati.*

*Ada petir ada guruh,
Pecah kaca pecah gelas,
Hok ni hok akhir sungguh,
Tolong jawab soalan nombor 19.*

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Lulus Yang Berhormat.

Soalan 19 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar menyatakan, kejayaan yang telah dicapai dalam program Bertani Satu Ibadah.]

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kok Lanas. Gagasan 'Bertani Satu Ibadah' merupakan gagasan yang tidak asing lagi di Negeri Kelantan bagi merealisasikan hasrat Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Konsep Bertani Satu Ibadah mengajak rakyat khususnya para petani, penternak, peladang dan nelayan supaya bekerja dengan tekun, cekap, bersungguh-sungguh dalam pekerjaan dan sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja dimana konsep U.M.I (Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan) juga

diterapkan kepada mereka. Kejayaan gagasan ini boleh dirujuk kepada statistik pengeluaran hasil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Contohnya, bagi tanaman buah-buahan, Kelantan adalah pengeluar hasil tertinggi bagi tanaman tembikai di peringkat kebangsaan dengan hasil tuaian 47,119.0 metrik tan. Yang kedua, Kelantan adalah pengeluar ketiga tertinggi bagi tanaman durian selepas Pahang dan Johor.

Dari segi tanaman sayuran, pengeluaran hasil tertinggi tanaman cili sebanyak 7621.8 metrik tan dimana cili solok merupakan identiti Negeri Kelantan, dan tidak banyak ditanam di negeri lain. Yang kedua, pengeluar kedua tertinggi bagi tanaman tomato. Pengeluar ketiga tertinggi bagi tanaman kubis bulat. Dan banyak lagi lah kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pihak Negeri Kelantan dalam sektor pertanian.

Dan konsep Bertani Satu ibadah ini lebih memberi tumpuan kepada pembinaan sikap *attitude* dan juga tingkah laku kepada para petani supaya mereka menjadi petani yang baik. Bukan sahaja diberi ilmu pertanian, tetapi ilmu menjadi seorang petani yang beriman, bertakwa dimana dari segi kajian pakar-pakar motivasi sendiri kejayaan mana-mana projek atau program lebih banyak bergantung kepada *attitude* dan *behaviour* ni, sikap dan tingkah laku. Itu lah Kerajaan Negeri mengutamakan konsep U.M.I ini diterapkan kepada semua termasuk para petani, penternak, peladang dan nelayan di dalam kursus-kursus dan juga bengkel pertanian yang kita anjurkan di semua jajahan. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kok Lanas.

YB DATUK SERI SR HAJI MD ALWI BIN HAJI CHE AHMAD :

Oleh kerana kita berakhir dengan ibadah. Maka *takdok* soalan tambahan, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, Alhamdulillah kita sempat menyelesaikan semua 19 soalan pada hari ini, menepati apa yang dipohon oleh Yang Berhormat Ayer Lanas. Terima kasih diucapkan

kepada pihak kerajaan yang telah memberi jawapan dan juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Saya difahamkan Yang Berhormat Tawang ada sesuatu yang nak diusulkan. Sila.

YB DATO' HAJI HASSAN BIN MAHMOOD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Cuma Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta *special request* daripada YB Dato' Speaker sebelum menyampaikan ini untuk menyampaikan pantun dakwah.

YB DATO' SPEAKER :

Yang Berhormat Tawang ado pantun jugok ?

YB DATO' HAJI HASSAN BIN MAHMOOD :

Ado ado. Pantun dakwah. Yang pertama...

*Seni berpolitik tinggi di awan,
Bukan hanya pandai berlawan,
Tapi untuk semangat setia kawan,
Menyatukan hati kekalkan perpaduan.*

Yang kedua...

*Cincin permata kilauan cahaya,
Pengikat mesra si cincin suasa,
Berbeza fahaman adat dan budaya,
Bukan penghalang penyatuan bangsa.*

Hok ni special untuk Kok Lanas...

*Dari Kok Lanas pergi ke Masai,
Masuk Kelantan dengan transnasional aman damai,
YB Kok Lanas orangnya pandai,
Mari lah Kok Lanas bersama kawan-kawannya masuk Perikatan
Nasional.*

YB DATO' SPEAKER :

Lulus 99 peratus.

YB DATO' HAJI HASSAN BIN MAHMOOD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon untuk mengemukakan satu usul berdasarkan kepada peruntukan Standing Order Negeri Kelantan Perkara 30(1) iaitu cadangan menangguhkan Persidangan Dewan kerana merunding perkara-perkara mustahak bagi orang ramai.

YB DATO' SPEAKER :

Sila sila Tawang.

YB DATO' HAJI HASSAN BIN MAHMOOD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Menteri Besar sebagai ketua Kerajaan Negeri Kelantan dapat meneruskan rundingan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan kadar segera bagi mengembalikan hak royalti minyak kepada rakyat Kelantan.

YB DATO' SPEAKER :

Sila YB Tawang serahkan kenyataan bertulis cadangan tersebut kepada saya.

[YB TAWANG MENYERAHKAN KENYATAAN BERTULIS KEPADA YB DATO' SPEAKER]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan telah dibuat oleh Yang Berhormat Tawang iaitu bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua Kerajaan Negeri Kelantan dapat meneruskan rundingan dengan Yang Amat berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan kadar segera bagi mengembalikan hak royalti minyak kepada rakyat Negeri Kelantan.

Ada sokongan ?

**[KESEMUA AHLI YANG BERHORMAT BANGUN MENYOKONG
CADANGAN YB TAWANG]**

Alhamdulillah sebulat suara saya telah meneliti cadangan ini dan saya mendapati dan berpendapat cadangan ini telah memenuhi 3 syarat, yang pertamanya perkara yang tertentu dan mustahak, yang keduanya untuk kepentingan orang ramai dan yang ketiga perlu disegerakan. Dengan itu saya menerima cadangan ini dan saya persilakan Yang Berhormat Tawang kemukakan ucapan cadangan.

YB DATO' HAJI HASSAN BIN MAHMOOD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

قال الله تعالى

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ
أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan jangan lah sekali-kali kebencian mu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adil lah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwa lah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Surah Al-Maidah, Ayat 8)

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdirinya saya di sini di dalam Dewan yang mulia ini bagi mencadangkan satu usul berkaitan bayaran tunai royalti petroleum yang sedang hangat pada ketika ini berikutan jawapan Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Undang-Undang dan Diplomasi yang menyatakan hak bayaran tunai petroleum adalah terhad di dalam perairan 3 batu nautika sahaja. Pada hakikatnya Dewan yang mulia ini telah pun menolak untuk meratifikasikan Akta Laut Wilayah 2012 Akta 750 pada 5 November 2015 Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri juga telah menyebut dalam ucapan Belanjawan 2023 bahawa sebahagian wang ehsan akan diurus melalui Kerajaan Persekutuan dan ini menyalahi Perjanjian 1975 yang telah ditandatangani Kerajaan Kelantan dan Petronas.

Perjanjian Kerajaan Kelantan dan Petronas pada 5 Mei 1975 dalam fasal 1 ada jelas menyatakan Petronas hendaklah membayar wang tunai kepada Kerajaan Negeri secara bayaran tahunan sebanyak yang setara dengan jumlah 5% daripada nilai petroleum yang didapati dan diperolehi di Kelantan.

Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Hussein ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lim Kit Siang Parlimen Petaling Jaya Timur di Dewan Rakyat menyatakan mengikut perjanjian itu tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut.

Di dalam Dewan yang mulia ini juga pada 16 Jun 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah bertitah supaya penyelesaian isu tuntutan royalti petroleum dapat diselesaikan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Dewan yang mulia ini juga mencadangkan agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dapat pergi berunding dengan YAB Perdana Menteri dalam usaha mengembalikan hak rakyat Kelantan ini. Maka kita berharap Kerajaan Madani pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berlaku adil selaras dengan semangat federalisma dan teras Malaysia Madani iaitu nilai ehsan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB DATO' SPEAKER :

Sekarang saya kemukakan cadangan ini bagi Perbahasan.

Oleh kerana tidak ada Perbahasan, maka tidak ada Penggulangan.

YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :

Boleh ?

YB DATO' SPEAKER :

Silakan.

YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :

Okay. *Takdok* ? Maaf ..

YB DATO' SPEAKER :

Oleh kerana tidak ada Perbahasan, maka tidak ada Penggulungan oleh pihak kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ini ialah satu cadangan bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua Kerajaan Negeri Kelantan dapat meneruskan rundingan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan kadar segera bagi mengembalikan hak royalti minyak kepada rakyat Negeri Kelantan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT BERSETUJU, KATA SETUJU.
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA TIDAK.**

[SEMUA AHLI YANG BERHORMAT BERSETUJU]

Maka ianya dipersetujui.

Cadangan tersebut diterima dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dan Timbalan Speaker serta semua kakitangan Pejabat Dewan Negeri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang selama ini telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada kami sepanjang kita bersama dalam Dewan yang mulia ini.

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Dato' Speaker... sebelum Dato' Speaker menutup Dewan pada hari ini ada satu perkara untuk menyatakan.

YB DATO' SPEAKER :

Silakan...

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana diberi laluan kepada *ambo* sebagai terakhir untuk Dewan hari ini. Saya ucap tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan yang telah pun membawa ke Dewan ini permasalahan yang timbul di tempat masing-masing sebagai tugas dan tanggungjawab kita untuk mengemukakan di dalam Dewan dan kesemua fakta-fakta yang dikemukakan telah mendapat perhatian. Dan kita mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas usaha Ahli-ahli Dewan yang penat lelah, susah dan sebagainya itu diberi ganjaran oleh Allah S.W.T dalam kontek Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Yang terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa untuk Aidilfitri kali ini kita sedia untuk RM700 kepada semua penjawat awam, sama juga kita beri kepada lantikan politik sebagaimana amalan biasa. Yang kedua, sebelum kita menutup juga saya dan kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan elaun penghulu daripada RM1,100 kepada RM1,500. Terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Sekali lagi saya ingin menyatakan di sini, saya dan Timbalan Speaker serta semua kakitangan Pejabat Dewan Negeri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang selama ini telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada kami sepanjang kita berada di dalam Dewan ini. Saya juga mohon banyak-banyak kemaafan jika ada kesilapan dan atau apa-apa yang tidak disenangi oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sepanjang saya mengendalikan Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan dan Dewan akan bersidang semula pada tarikh dan masa yang akan diberitahu kelak. Mari lah sama-sama kita tangguhkan dengan Tasbih Kafarah dan Suratul Asr.

Dengan ini Dewan ditangguhkan.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.55 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA TARIKH DAN MASA YANG AKAN
DIBERITAHU KELAK.**
